

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

Kuasa beli
tidak terjejas

► 2-3

Petak parkir untuk
siapa?

>> 6

Anyaman kelarai seni halus
zaman-berzaman

>> 9

Tanda akhir
oleh Budak Kubur

>> 13



10 projek rangkumi 6 tunjang sokong pertumbuhan

Pelaburan hijau dijangka bertambah

AZLAN ZAMBRY & SYED HAZIQUE

PELABURAN hijau dan perubahan iklim dijangka akan bertambah tahun depan dengan menyokong pertumbuhan ekonomi yang diunjurkan pada empat hingga lima peratus.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), **Datuk Abdul Rasheed Ghaffour** berkata kerajaan dan sektor swasta telah melaksanakan beberapa projek yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara mulai tahun depan dan beberapa tahun seterusnya.

"Terdapat beberapa rancangan yang telah diumumkan kerajaan, salah satunya berkaitan perubahan iklim iaitu Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

"Selain itu, pelbagai projek akan turut dilaksanakan. Terdapat 10 projek utama dan ini akan merangkumi enam tunjang penting



ABDUL RASHEED

ekonomi hijau yang juga akan menyokong pertumbuhan ekonomi bukan sahaja untuk tahun depan tetapi bagi tiga hingga lima tahun," katanya baru-baru ini.

Abdul Rasheed berkata selain daripada NETR, Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen yang dilancarkan baru-baru ini dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 juga akan menarik pelaburan khusus yang akan turut menyokong pertumbuhan Malaysia dalam tempoh terdekat, ia akan turut merangkumi projek berkaitan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Selain sokongan pelaburan, menurut Abdul Rasheed, sektor eksport juga menyaksikan sedikit peningkatan tahun ini dan dijangka bertambah baik tahun depan, ia menyokong pertumbuhan negara.

"Pertumbuhan ekonomi juga akan dirangsang boleh meningkatkan permintaan domestik

dan penggunaan swasta serta industri pelancongan," katanya.

Sementara itu, mengenai prestasi ringgit, Abdul Rasheed berkata BNM kekal komited untuk mengelakkan turun naik yang berlebihan dalam pasaran mata wang kerana pasaran baru muncul sebahagian besarnya terjejas oleh kekuatan dolar US.

"Dari segi turun naik ringgit, jika kita membandingkan kedudukan kita dengan negara lain di rantau ini, Malaysia adalah yang paling kecil daripada segi turun naik mata wang.

"Adalah menjadi peranan BNM untuk mengekalkan fungsi teratur dalam pasaran mata wang dan memastikan tiada kememuhan yang berlebihan dalam ringgit," katanya.

Dari segi dasar monetari ekonomi maju, Abdul Rasheed berkata kitaran kenaikan kadar mungkin sudah sampai pada tahap kemuncak.

Ekonomi yang semakin lemah, ditambah dengan penyederhanaan inflasi akan menyokong ringgit dan mata wang pasaran sedang pesat membangun yang lain, katanya. WK



TENAGA solar merupakan teknologi baharu yang mampu melonjakkan ekonomi.

Tenaga boleh diperbaharui: Prospek positif jana ekonomi negara

SEKTOR tenaga boleh baharu merupakan prospek ekonomi yang dijangka boleh berkembang untuk tahun 2024 sekali gus mengukuhkan lagi pertumbuhan negara.

Pensyarah Kanan Jabatan Kewangan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohd Zaidi Md Zabri** berkata sektor berkenaan berupaya mengukuhkan momentum pertumbuhan ekonomi memandangkan negara kini menitik beratkan pembangunan teknologi hijau.

"Tenaga boleh baharu adalah komoditi yang boleh diibaratkan sebagai kekayaan baharu dan menjadi pemangkin kepada memomentum pertumbuhan dan ia adalah jalan kehadapan yang selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

"Pertumbuhan ini juga merupakan komitmen kerajaan dalam mengurangkan penggunaan tenaga fosil sekali gus memberikan lebih banyak peluang untuk sektor berkenaan terus berkembang dan seterusnya menyumbang semula kepada negara," katanya kepada Wilayahku pada Rabu.



MOHD ZAIDI

negara.

"Malaysia mempunyai banyak sumber tenaga boleh diperbaharui yang boleh dibangunkan seperti solar, angin, biojisim, hidro, geoterma dan gelombang pasang surut. Tenaga suria telah menjadi salah satu teknologi yang semakin meningkat dalam industri tenaga boleh diperbaharui untuk Malaysia," katanya sambil menambah industri pembangunan bateri, solar dan bateri lithium mempunyai prospek tinggi dalam negara.

Menurut Mohd Zaidi, meskipun berhadapan dengan perubahan iklim yang ketara dan berisiko terhadap sektor berkaitan pertanian dan perlادangan, pihaknya

menjangkakan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) dan Kementerian Perladangan dan Komoditi dijangka akan melaksanakan penjajaran semula terutama melibatkan kaedah-kaedah pertanian moden.

"Untuk organisasi yang besar ini seperti Sime Darby Plantation, ia tidak merisaukan kerana mereka telahpun ada standard dari Malaysia Palm Oil Board (MPOB) yang bertindak mengawal selia dan ia selari dengan kaedah pertanian dan perlادangan lestari.

"Cuma yang merisaukan adalah petani dan peladang kecil dan di sini yang pasti terjejas. Di sini bantuan kerajaan amat diperlukan bagi memperdaya mereka untuk meningkatkan ketahanan untuk

pertanian dan keterjaminan makanan, setakat ini belum ada sebarang pelan jangka panjang yang boleh menjadi panduan.

"Kita tidak boleh leka dan saya rasa kita masih perlukan untuk jamin makanan seperti telur, ayam daging, beras dan pelbagai lagi," ujarnya.

Menurut Mohd Zaidi, untuk mengatasi masalah berkenaan, semua pihak melihat kepada penjajaran semula bajet dan tidak boleh hanya bergantung kepada rancangan jangka panjang serta mengharapkan cara pertanian konvensional.

"Petani negara ini perlu keluar dari kebiasaan dan termasuk meneroka kaedah pertanian baharu seperti pertanian pintar (*smart farming*), pertanian menegak (*vertical farming*) dan kementerian berkaitan perlu mempunyai inisiatif baharu yang diperhebatkan," katanya.

Menurut Mohd Zaidi, unjuran ekonomi Malaysia yang diramalkan oleh banyak pihak sebelum ini realistik berikutkan kerana ia melibatkan suntikan dana yang lebih dari kerajaan dan ketika ini kewangan defisit yang bermakna kita berbelanja melebihi pendapatan, jadi untuk naikkan lagi KDNK, kita perlukan suntikan fiskal yang bermakna kita perlu berhutang lagi.

Jadi saya menjangkakan perkara itu tidak akan dilakukan melainkan pertumbuhan ini berlaku secara organik atau memang ada permintaan daripada pelanggan. WK



TEKNOLOGI turbin angin yang sedang berkembang menjadi prospek ekonomi positif untuk masa depan negara.

berhadapan dengan perubahan iklim dan ia termasuklah dengan petani sayur-sayuran di Cameron Highlands dan peladang nenas di Johor yang berkait rapat dengan perkara tersebut," katanya.

Ujar Mohd Zaidi, sektor perikanan turut terkesan dengan masalah yang sama seperti kedadangan musim monsun yang turut berkait rapat dengan masalah perubahan iklim dan KPBM perlu ada pelan jangka masa panjang untuk memacu sektor berkenaan.

Menurut Mohd Zaidi, kementerian penting seperti KPBM perlu mencontohi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang memperkenalkan pelan National Energy Transition Roadmap (NETR).

"Untuk industri perladangan,

Kenaikan harga barang

Kerajaan tingkat keselesaan rakyat

SYED HAZIQUE

KERAJAAN Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat berada dalam landasan tepat untuk terus membawa kemajuan di negara berdasarkan kestabilan politik dan keamanan yang dikecapi dalam tempoh setahun.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan Perpaduan mempunyai pasukan yang mengutamakan kestabilan politik dengan berusaha memperkenalkan setiap dasar yang jelas untuk meningkatkan keselesaan rakyat dalam pelbagai aspek antaranya kualiti pendidikan, kesihatan dan bantuan terus kepada rakyat secara adil.

"Apa yang penting adalah keselesaan rakyat dan kerajaan komited membantu rakyat yang terkesan berikutnya kenaikan harga barang.

"Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah antaranya pelaksanaan subsidi bersasar dan meningkatkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR)," katanya baru-baru ini.

Selain itu, Anwar mengakui kenaikan kos sara hidup



BANTUAN tunai bantu rakyat mendepani kenaikan kos sara hidup.

sememangnya menjadi masalah namun menerusi usaha Payung Rahmah yang diperkenalkan ia dapat membantu rakyat, malah kerajaan berhasrat memperluaskan lagi inisiatif ke lebih banyak kawasan di seluruh negara.

"Kenaikan harga barang ini masalah yang sedang dihadapi seluruh dunia, sementara kita boleh kawal setakat yang sedaya kita," katanya dalam wawancara khas Setahun Bersama Kerajaan MADANI: Tiwikrama Perdana Menteri terbitan TV3 baru-baru

ini.

Perdana Menteri berkata kerajaan melihat bantuan tunai adalah lebih baik berbanding pemberian subsidi secara pulak yang turut dinikmati golongan terkaya yang mewakili 10 peratus daripada penduduk negara ini, selain kira-kira 3.5 juta warga asing.

Tambah Anwar, kerajaan merancang untuk meningkatkan nilai STR bagi membantu rakyat mendepani masalah kenaikan kos sara hidup.

"Kita bincangkan hampir setiap

minggu di Jemaah Menteri, bincang secara teliti item yang dianggap mengesankan dari sudut kenaikan kos.

"Saya akui hal ini dan kita boleh redakan sedikit dengan yang dikatakan dengan *cash transfer*, bantuan tunai lebih baik daripada subsidi. Kerana kalau subsidi itu akan memanfaatkan jutaan (orang asing).

"Kita akan tingkatkan melihat kepada keupayaan kita, kalau kita dapat jimat RM10 bilion (melalui penyiasaran subsidi) apa salah kalau RM3 bilion itu dipulangkan kepada rakyat," katanya.

Kata Perdana Menteri, pelaksanaan subsidi bersasar mampu memberi suntikan dana bagi memberi faedah serta bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

"Dengan penyiasaran subsidi lebih banyak faedah yang kita beri suntikan, termasuklah seperti RM100 melalui inisiatif eMADANI dan kita akan teruskannya.

"Saya beri jaminan andai kata penarikan subsidi berlaku dan ia memberi kesan kepada rakyat, kita akan tambah STR," katanya.

Dalam pada itu, mengulas lanjut Anwar berkata pertumbuhan

ekonomi negara turut dibuktikan menerusi peningkatan kemasukan pelaburan asing dengan nilai yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini.

Jelas Perdana Menteri, kemasukan pelaburan langsung asing memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan terutama dalam kalangan anak muda, selain peningkatan tahap kemahiran dan pengetahuan mereka.

Beliau menegaskan walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan iaitu menyediakan bentuk latihan dan kemahiran yang lebih sesuai serta memenuhi kehendak pasaran.

"Tumpuan kerajaan adalah pertumbuhan ekonomi, mutu pendidikan, kemudahan kesihatan yang lebih baik dan sosioekonomi yang lebih baik seperti menaikkan kemiskinan tegar dan sekolah daif.

"Melalui pelaburan yang jauh lebih tinggi dan dalam bidang yang dianggap berteknologi tinggi seperti digital dan tenaga boleh baharu, ini akan memberi jaminan untuk pekerjaan yang lebih banyak," katanya. WK

Beli barang tempatan langkah tepat

AINI MAWAWI

KEMPEN Beli Barang Malaysia dilihat sebagai langkah bertepatan bagi mengimbangi tekanan globalisasi ekonomi sekali gus membantu pengusaha tempatan memasarkan produk selain ia penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Menurut Penganalisis Ekonomi, Profesor Dr Abdul Rahim Abdul Samad, tekanan yang dihadapi oleh rakyat kesan dari cabaran ekonomi sekarang ini dapat dikurangkan seandainya rakyat membeli barang buatan Malaysia.

"Langkah kerajaan memperkasa kempen untuk membeli barang tempatan merancakkan serta merangsang pertumbuhan ekonomi seterusnya memperkuuh perbelanjaan semasa."

"Namun, ia turut memerlukan usaha yang giat dengan menguar-uarkan kepada masyarakat tentang keberadaan barang buatan Malaysia dan kualitinya yang setanding dengan barang import lain yang ada di pasaran. Kesedaran ini amat penting untuk menarik minat pembeli."

"Dalam masa yang sama, peningkatan dalam pembelian barang tempatan ini juga dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Jadi, kadar pengangguran akan terus menurun dari semasa ke semasa," ujarnya kepada Wilayahku.

Dalam perkembangan lain, beliau



ABDUL RAHIM

berkata hasrat China untuk komited dalam meningkatkan jumlah import minyak sawit dan produk hiliran berasaskan minyak tersebut antaranya derivatif termasuk tocotrienol yang merupakan vitamin E adalah satu perkembangan baik.

"Difahamkan dalam sesi pertemuan kedua-dua negara baru-baru ini, China juga mahu meningkatkan kerjasama daripada segi penyelidikan dan pembangunan minyak sawit di negara ini. Jalinan antara dua negara ini dapat mengukuhkan perdagangan antarabangsa. Jika dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat, ia juga menyumbang kepada kestabilan nilai ringgit," ujar beliau. WK



PENIAGA tempatan menyokong permintaan ringgit negara. - Gambar hiasan

Rakyat bantu tingkat nilai ringgit

RAKYAT Malaysia dilihat berpuas hati dengan perkembangan ekonomi negara walaupun nilai ringgit susut.

Rata-rata orang ramai khususnya warga kota menyatakan mereka sedia membantu meningkatkan kembali ekonomi negara.

Pekerja swasta, Nurnafiz Atiqah Nordin berkata pertumbuhan ekonomi amat memberangsangkan ditambah lagi dengan kehadiran pelabur-pelabur asing di negara.

"Kita dapat lihat, banyak syarikat-syarikat gergasi antarabangsa yang datang melabur di negara, ia menunjukkan bahawa mereka yakin dengan kemampuan ekonomi Malaysia."

"Itambah pula ekonomi global yang menghadapi masalah inflasi namun, saya percaya dengan pengukuhkan ekonomi mampu membantu meningkatkan nilai mata wang negara," katanya kepada Wilayahku.

Menurutnya, sokongan rakyat terhadap peniaga-peniaga tempatan juga sedikit



NURNAFIZ



AKRAM

sebanyak dapat menyokong permintaan ringgit di negara.

Sementara itu, Muhammad Akram Zulkarnain yang bekerja sendiri berpendapat, dia percaya Malaysia rancak mengorak langkah ke hadapan dengan momentum perkembangan ekonomi kini.

Katanya, negara-negara lain juga mengalami nasib sama dengan kejatuhan nilai mata wang.

"Ia sedikit sukar bagi mereka yang berniaga dengan memerlukan urusan jual beli menggunakan mata wang antarabangsa."

"Walau bagaimanapun, ini adalah masa terbaik buat semua pihak membantu meningkatkan ekonomi negara, mengukuhkan nilai ringgit dengan lebih banyak berbelanja dalam negara juga," ujarnya.

Jelasnya, dengan sektor pelancongan negara yang kian membangun juga mampu merangsang aktiviti ekonomi. WK

Dakwaan Sabah dipinggir isu pemberian khas

Kadar baharu sudah diwartakan

BARU-BARU ini tular sebuah video seolah-olah mahu melaga-lagakan Sabah dengan kerajaan. Pada asalnya video tersebut tentang Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Panglima Madius Tangau yang meminta penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan tentang formula pemberian khas sebanyak 40 peratus hasil negeri tersebut.

Namun, ada pihak yang tidak bertanggungjawab cuba merosakkan hubungan Sabah dan Kerajaan Persekutuan apabila meletakkan kapsyen Borneo dipinggirkan Madani. Retak menanti belah, selangkah tumbangnya Madani yang lemah.

Video berniat jahat ini disebarluaskan kerana mahu mencipta persepsi negatif masyarakat khususnya rakyat Sabah terhadap kerajaan. Sedangkan isu pemberian hasil kepada Sabah ini sudah pun diperjelaskan.

Samakan kadar pemberian khas bagi Sabah dan Sarawak dengan pembentangan Warta Kerajaan Persekutuan pada 24 November 2023 adalah susulan daripada persetujuan bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas), Datuk Arizman Mohd Ali, pemberian khas sebanyak RM300 juta tersebut adalah merupakan pengaturan interim (*interim arrangement*) sebagaimana yang diperjelaskan dalam kenyataan media Perdana Menteri baru-baru ini.

Kata beliau, warta tersebut boleh dipindah pada bila-bila masa sebaik persetujuan baharu dicapai di antara ketiga-tiga peringkat kerajaan.

“Di samping menuntut penjelasan tentang asas kadar baharu tersebut, saya fikir YB Tuaran (Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau) juga mempunyai kewajiban untuk membuat penjelasan bagaimana Kerajaan Negeri pimpinan Warisan pada tahun 2019 telah membuat persetujuan rasmi untuk kadar kenaikan yang jauh lebih rendah iaitu hanya RM53.4 juta sahaja, berbanding RM300 juta yang baru diwartakan.

“Pada masa itu, warta dalam proses dikeluarkan tetapi tidak selesai sepenuhnya apabila Kerajaan



KADAR baharu RM300 juta kepada kerajaan negeri Sabah telah disempurnakan. -Gambar hiasan

Warisan terpaksa membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah setelah majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak menyokong kepimpinan Ketua Menteri (KM), Datuk Seri Panglima Shafie Apdal,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan bayaran pemberian khas tahun 2023 pada kadar baharu RM300 juta kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak telah disempurnakan baru-baru ini.

Jelas beliau, pelaksanaan semakan kadar

amaun pemberian khas melalui penyelesaian secara interim itu telah diwartakan.

Menurut beliau, pembayaran berkenaan berdasarkan Perkara 112D(1) dan 112D(5) Perlembagaan Persekutuan, Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2023 dan Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas Di Bawah Perkara 112D) (Negeri Sarawak) 2023 telah diwartakan dalam Warta. WK

Peningkatan kes COVID-19 bukan wayang tapi realiti

PENINGKATAN secara mendadak kes wabak COVID-19 dalam negara dikatakan adalah rekaan kerajaan semata-mata atau wayang kerana mahukan rakyat menjalani proses vaksinasi.

Malah, tidak kurang juga yang mempersoalkan kenapa pihak bertanggungjawab tidak mengumumkan atau mengesyorkan kepada rakyat agar kembali berjaga-jaga dengan wabak tersebut lebih awal.

Pelbagai fitnah timbul sedangkan sepatutnya rakyat perlu berterima kasih kerana diberitahu tentang wabak COVID-19 yang pernah mengancam dunia satu ketika dahulu.

Baru-baru ini dilaporkan sebanyak 3,626 kes COVID-19 pada Minggu Epidemiologi ke-47 (ME 47/2023) iaitu dari 19 hingga 25 November meningkat 57.3 peratus berbanding 2,305 kes yang direkodkan pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata majoriti kes iaitu 48 peratus membabitkan mereka



WABAK COVID-19 pernah menyerang dunia pada tahun 2020.

yang berumur antara 20 hingga 40 tahun dan lebih 98 peratus hanya bergejala ringan.

Beliau berkata kes mingguan COVID-19 dikesan telah melepas angka 1,000 pada setiap minggu sejak ME 41/2023 hingga ME 47/2023 dengan kadar peningkatan antara 7.1 hingga 57.3 peratus.

“Jumlah kumulatif kluster yang dilaporkan hingga ME

47/2023 ialah 7,248. Majoriti kluster yang dicatatkan ialah kluster pendidikan,” katanya dalam kenyataan kepada media baru-baru ini.

Dr Muhammad Radzi berkata terdapat lapan kluster COVID-19 yang masih aktif dilaporkan dengan 121 kes terlibat dalam kluster berkenaan.

Walaupun terdapat peningkatan

kes COVID-19, namun keadaan adalah terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

“Empat varian Omicron baharu dilaporkan pada ME 47/2023 yang kesemuanya terdiri daripada varian membimbangkan (VOC). Dua kes varian Omicron baharu BA.2.86 dilaporkan di Malaysia pada ketika ini dengan kedua-dua kes dirawat sebagai pesakit luar dan dalam keadaan stabil,” ujar beliau.

Terdahulu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini melaporkan peningkatan varian BA.2.86 yang pertama kalinya dilaporkan pada 24 Julai lepas dan diklasifikasi sebagai VOI.

Sehingga kini, terdapat hampir 46 negara melaporkan varian BA.2.86, namun tiada perubahan dari segi klinikal dan keterangan disebabkan varian berkenaan.

Dalam keadaan sekarang, sepatutnya pihak yang tidak tahu apa-apa tidak perlu mereka-reka cerita sehingga menakut-nakutkan orang lain. Apa kata jika diri sendiri dan orang tersayang supaya tidak dijangkiti wabak. WK

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

8-10/12/23: Sentuhan Bersama Kerajaan Malaysia Madani @ Perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Muzium Negara

31/10-31/12/23: Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi @ Jabatan Muzium Malaysia

30/11-4/12/23: Sambutan Hari Batik Malaysia @ Kompleks Kraf Kuala Lumpur

10-31/12/23: Plant Success Story across climates @ Aquaria KLCC

PUTRAJAYA



8-9/12/23: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2023 @ Taman Wetland Putrajaya, Presint 13, Putrajaya

9/12/23: Putrajaya Green Light Run @ Anjung Floria

9-10/12/23: Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejuriran Putrajaya 2023 @ Kompleks Kejuriran Presint 11, Putrajaya

9-10/12/23: Game Development Fundamental Clinic@Pusat Pembelajaran Kejuriran Presint11, Putrajaya

14-20/12/23: Orkid Putrajaya 2023 @ Taman Botani, Putrajaya

23-24/12/23: Bengkel Matematik dan Sejarah SPM 2023 @ Auditorium 1, Kompleks Kejuriran, Presint 16, Putrajaya

LABUAN



2/10-31/12/23: Pembaharuan lesen perniagaan 2024 @ Wisma Perbadanan Labuan

9/12/23: Labuan Superhero 2023 Fun Run @ Padang Dataran Labuan

15-17/12/23: BMAEX @ Palm Beach Resort& Spa, Labuan

Konsert Akhir Pertandingan Mencipta Lagu Kuala Lumpur

Wilayah Impian diangkat jadi juara



SHAHRIL (dua dari kiri) dinobatkan sebagai juara Pertandingan Mencipta Lagu Kuala Lumpur.

HAZIRAH HALIM

LAGU Wilayah Impian karya Shahril Yaacob muncul juara Pertandingan Mencipta Lagu Kuala Lumpur bagi sesi 2023 anjuran Unit Muzik dan Kebudayaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Sabtu.

Kejayaan tersebut menewaskan sembilan komposer dan penulis lirik yang bertanding sekali gus membolehkannya membawa pulang wang tunai RM10,000 berserta sebuah trofi dan sijil penghargaan.

Berkongsi perasaan muncul juara, Shahril berkata dia tidak menyangka dengan kemenangan tersebut kerana tidak meletakkan apa-apa harapan sebaliknya bersyukur dan gembira di atas rezeki yang diterima.

"Alhamdulillah. Saya masih terkejut sebenarnya dengan kemenangan ini. Jika sebelum ini, saya ada masuk beberapa pertandingan lain tapi niat saya hanya untuk meperbaiki kualiti dan mutu lagu."

"Jadi kalau kalah ke, takpe kita belajar lagi. Walaupun menang, saya banyak belajar dengan lagu lain tetapi sejurnya saya rasa persembahan saya sama rata daripada pelbagai segi. Lagu-lagu lain pun *catchy*, saya dengar jadi saya boleh belajar dan jadikan inspirasi untuk buat lagu seterusnya yang lebih unik," katanya ketika ditemui pada Konsert Akhir Pertandingan Mencipta Lagu Kuala Lumpur di MaTiC, Jalan Ampang,

Kuala Lumpur.

Berkongsi lanjut penceritaan lagunya itu, Shahril berkata lagu tersebut mengisahkan gambaran masyarakat yang sedang berjuang mencari jalan ke menara impian tetapi terhalang atas beberapa faktor selain menceritakan tentang keadaan masa kini di Kuala Lumpur.

"Pertandingan mencipta lagu ini memberi peluang kepada komposer dan penulis lirik baharu untuk mengembangkan bakat dalam industri muzik dan dalam masa yang sama, terima kasih DBKL dan para juri di atas penganugerahan yang diberikan ini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Sementara itu, naib johan yang dirangkul oleh gandingan penulis lirik, Idris Zulkifli dan komposer, Amirul Nizam Abd Aziz mengakui saingan peserta semuanya hebat namun bersyukur lagu mereka berjudul Kuala Lumpur meraih tempat kedua.

Menurut Idris, lagu tersebut menceritakan tentang keindahan dan keadaan semasa Kuala Lumpur di mana mereka mengambil masa selama dua minggu untuk menyiapkan lagu tersebut.

"Lagi dua minggu hendak tutup tarikh, kami siapkan lagu ini dan setelah siap, barulah kami pilih penyanyi yang boleh membawakan lagu tersebut. Pada awalnya, saya cadangkan pada komposer lagu ini dinyanyikan secara solo sahaja tetapi dia berpandangan lebih sesuai sekiranya ia dinyanyikan

secara duet.

"Masa uji bakat untuk menentukan penyanyi, kami cuba pada penyanyi perempuan tetapi ada sedikit perubahan sebab nak sesuaikan dengan *key* dan *tone* suaranya," katanya yang merupakan graduan ASWARA.

Pada malam itu, gandingan duo ini membawa pulang wang tunai RM5,000 berserta trofi dan sijil penyertaan. Lebih indah, mereka juga turut memenangi kategori persembahan terbaik sekali gus membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Terdahulu, Konsert Akhir Pertandingan Mencipta Lagu Kuala Lumpur merupakan pengajuran kali ke-2 oleh Unit Muzik, Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL selepas kali terakhir diadakan sekitar tahun 2015.

Sebanyak 82 penyertaan telah diterima sejak dibuka pada bulan Oktober lalu namun hanya 10 peserta sahaja yang berjaya mara ke peringkat akhir.

Objektif pengajuran adalah untuk mencungkil bakat baharu, menambah koleksi lagu bertemakan bandar raya Kuala Lumpur dan menyediakan platform bagi rakyat Malaysia berkarya. Lagu-lagu yang terpilih ini akan dipromosikan melalui pelbagai saluran program yang dianjurkan oleh DBKL termasuk diperdengarkan kepada umum melalui platform media sosial. **Wk**



13 tahun tanpa cukai jalan

TERKEJUT dan hairan. Takut pun ada. Itu reaksi kawan-kawan Kedai Kopi apabila membaca laporan sebuah ambulans milik agensi perkhidmatan penyelamat kecemasan disita oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perak di Ipoh, kerana tidak mempunyai perlindungan insurans.

Bukan itu sahaja, ambulans tersebut tidak mempunyai Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau yang biasa kita sebut sebagai cukai jalan selama 13 tahun. Apa sudah jadi?

Dengan kata lain, ambulans tersebut bergerak secara haram di atas jalan raya membawa pesakit tanpa dapat dikesan oleh pihak berwajib sedangkan ia memang tidak layak beroperasi, apakah lagi sebagai kenderaan kecemasan.

Jika pihak berwajib tidak dapat mengesan pun, pemilik syarikat mesti tahu dan bertanggungjawab. Ambulans itu mesti disimpan. Bayangkan 13 tahun dibiarkan beroperasi menunjukkan syarikat pengendali sengaja tidak berhasrat mempunyai perlindungan insurans dan cukai jalan.

Syarikat terus memberanikan diri beroperasi kerana dalam tempoh yang lama itu aktiviti tidak dikesan. Sangat dikesali ia langsung tidak ambil berat kepentingan pemandu dan pekerja ambulans, juga pesakit yang dibawa.

Selama ini kerap juga tersiar banyak kisah kenderaan berat seperti lori dan bas tidak dilindungi insurans dan tiada cukai jalan bergerak di jalan raya. Gaya mereka seperti raja jalan raya, bergerak dengan angkuh sehingga ditakuti oleh kenderaan lain. Tetapi tiada cukai jalan.

Ramai pula di antara mereka didapati melakukan pelbagai kesalahan jalan raya serta mengutip belasan atau puluhan saman yang tidak pernah dijelaskan. Malangnya semua ini hanya terbongkar apabila berlaku kemalangan, sering kali kemalangan maut.

Namun tidak pernah terlintas dalam kotak pemikiran kawan-kawan Kedai Kopi bahawa ambulans, kenderaan kecemasan penting untuk membawa pesakit mendapat rawatan di hospital, secara teknikalnya bergerak di atas jalan raya secara haram kerana tiada insurans dan cukai jalan.

Bayangkan 13 tahun tidak ada cukai jalan, yang bermakna tiada perlindungan insurans untuk tempoh sama. Ini kerana cukai jalan hanya boleh diambil jika ada insurans. Oleh itu, dalam kes ini, cukai jalan tiada dipercayai sebab tiada insurans.

Rahsia ambulans ini terbongkar apabila ia ditahan dalam operasi JPJ Perak ketika tugas rondaan oleh anggota penguat kuasa Unit FALCON Penguatkuasaan Bermotorsikal (UPB) JPJ Perak. Ketika ditahan ambulans itu membawa seorang pesakit untuk diantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB).

Pihak JPJ menggunakan budi bicara mengarahkan pemandu menghantar pesakit ke hospital terlebih dahulu, mengambil kira keselamatan pesakit yang perlu mendapat rawatan segera. Selepas itu baharu ambulans tersebut dibawa ke ibu pejabat JPJ Perak untuk pemeriksaan lanjut dan disita.

Pemeriksaan lanjut JPJ mendapati insurans dan cukai jalan ambulans itu sudah tamat tempoh sejak Mac 2010. Jika tidak kerana operasi JPJ itu, tidak tahu berapa lama lagi ambulans berkenaan bergerak tanpa izin. Ini satu pelanggaran undang-undang jalan raya yang serius.

Jika berlaku tragedi, pemandu dan pekerja yang ada di dalam ambulans berkenaan tidak mendapat perlindungan. Lebih malang lagi kerana ketika itu ia membawa pesakit, maka pesakit berkenaan akan turut menerima padah. Memang menakutkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap peristiwa ini menjadi pengajaran serta peringatan kepada JPJ agar sentiasa memastikan kenderaan kecemasan bagi memastikan ia mematuhi peraturan demi keselamatan penumpang.

Mungkin selama ini wujud andaian kenderaan kecemasan sentiasa mematuhi peraturan. Namun peristiwa di Ipoh membuktikan ia tidak semestinya begitu. Tidak mustahil kes seperti ini berlaku di tempat lain juga, termasuk di Wilayah Persekutuan.

Setiap negeri wajar membuat pemeriksaan segera dan berkala memastikan kenderaan kecemasan sentiasa mematuhi syarat berada di atas jalan raya. Ingat sebelum kena.

Penjaja dominasi parkir sukarkan penghuni PPR, PA

PETAK parkir atau petak penjaja? Adi bangkitkan isu ini apabila melihat banyak petak parkir di Taman Tasik Titiwangsa, khususnya di jalan utama, dimonopoli oleh penjaja sehingga menyusahkan orang ramai meletak kenderaan.

Awal pagi para penjaja sudah mula mengambil ruang parkir untuk berniaga pelbagai jenis makanan dan minuman. Jumlahnya perlahan-lahan bertambah. Ini berlaku pada hari biasa, sementara pada hujung minggu dan hari cuti jumlahnya lebih ramai.

Ini menyebabkan orang awam yang datang untuk bersantai dan beriadah di taman tasik berkenaan menghadapi masalah meletak kenderaan, terpaksa berpusing-pusing jauh. Itu pun belum tentu ada ruang kosong di tempat lain.

Adi pun tidak pasti adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membenarkan penjaja mengambil alih petak parkir untuk berniaga? Atau adakah para penjaja itu sendiri yang suka hati menceroboh petak parkir?

Pihak DBKL wajar memberi perhatian serius mengenai perkara ini. Jika tidak boleh berniaga di petak parkir, maka buatlah sesuatu untuk mengatasinya. Jika terus dibiarkan, penjaja akan merasa apa yang mereka lakukan tidak salah.

Kehadiran ramai penjaja menyebabkan kawasan sekitar tidak bersih. Ini kerana ada di antara peniaga tidak menjaga kebersihan. Selalu diperhatikan sampah-sampah dibuang di persekitaran sehingga mencemarkan kawasan sekeliling.

Ramai pula di antara pelanggan yang tidak bertanggungjawab membuang bekas makanan atau minuman merata-rata sehingga mengotorkan kawasan taman tasik yang indah. Cawan minuman plastik dan bekas makanan dibuang di tempat pejalan kaki.

Ini memberi gambaran tidak baik mengenai aspek kebersihan sedangkan kebersihan itu yang hendak diterapkan di ibu kota. Ini sesuai dengan slogan 'Kuala Lumpur Bersih dan Indah'. Bukan semua membuang sampah sesuka hati, tetapi sikap segerintir mereka sudah cukup mengotorkan sekeliling.

Mungkin juga para peniaga memberi alasan tiada ruang untuk berniaga jika tidak mengambil petak parkir. Dalam hal ini, Adi harap DBKL mencari jalan penyelesaian. Sediakan lokasi khas yang tidak mengganggu kemudahan parkir awam.

Adi lihat ada penjaja yang menjual makanan di kawasan Taman Tasik Titiwangsa tidak mengganggu petak parkir. Mereka berniaga di lokasi lain di tepi jalan. Tetapi sahaja ada orang membeli. Mungkin juga berniaga di tepi jalan utama tidak boleh, tetapi sekurang-kurangnya tidak mengganggu parkir.

Selain penjaja, kawasan parkir juga turut diambil alih oleh pengendali basikal sewa. Mereka juga menguasai banyak petak parkir meletakkan basikal sewa. Lagi banyak basikal, lagi besar petak parkir yang diambil.

Bagi Adi, tidak ada masalah jika hendak berniaga atau menyewakan basikal untuk mencari rezeki.

Adi—Riadah keliling rumah



PIHAK polis sentiasa memastikan ketenteraman awam. - Gambar hiasan

Tahniah polis KL, jenayah turun

INDEKS jenayah di Kuala Lumpur dilaporkan menurun bagi tempoh 10 bulan tahun ini, mulai 1 Januari hingga 31 Oktober 2023. Penurunan 10 peratus dicatatkan atau 410 kes berbanding 4,173 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

Bagi Adi, ini satu perkembangan yang menggalakkan memandangkan usaha menangani jenayah di ibu kota memang mencabar. Ini sejarah dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang sering berhadapan dengan pelbagai kes jenayah, daripada yang kecil sehingga kes besar dan rumit.

Sehubungan itu, Adi ucapan tahniah kepada polis kontinjen yang diketuai oleh Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, semua Ketua Polis Daerah (OCPD) serta semua pegawai dan anggota pangkat rendah yang bekerja keras penuh dedikasi sehingga kadar jenayah berjaya diturunkan.

Memetik Allaudeen pada sidang media baru-baru ini, jenayah kekerasan menurun 14 peratus atau bersamaan 122 kes setakat Oktober berbanding 895 kes bagi tempoh sama tahun lepas. Jenayah harta benda pula mencatat penurunan 288 kes atau sembilan peratus.

Kejayaan polis Kuala Lumpur turut merangkumi kes melibatkan dadah. Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik berjaya merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM101 juta dari Januari hingga Oktober berbanding RM122 juta tahun lepas.

Dengan rampasan mengecil ini bermakna polis berjaya mengekang jenayah dadah. Ini sangat positif kerana kita semua tahu dadah adalah musuh utama negara. Kerana itu penjualan, pembelian, pengedaran dan penagihan dadah mesti dibanteras.

Di samping itu, jumlah tangkapan turut bertambah dari Januari hingga September iaitu sebanyak 481 orang. Ini menjadikan jumlah tangkapan meningkat kepada 12,199 orang berbanding 11,718 orang pada 2022.

Bagi pembanterasan jenayah komersial pula, sebanyak 1,439 serbuan dilakukan membabitkan jenayah dalam talian atau online. Sejumlah 83 kertas siasatan dibuka melibatkan tangkapan pusat panggilan seramai 1,023 orang dari Januari hingga Oktober.

Pada masa ini jenayah online begitu berleluasa. Ramai terjebak ke dalam perangkap *scammer* melibatkan kerugian bukan sedikit. Ada yang berbelas ribu, puluhan ribu, malah sehingga mencecah jutaan ringgit.

Walaupun pelbagai ingatan sudah diberi, masih ramai yang termakan dengan pujuk rayu *scammer*. Operasi mereka memang licik dan sukar dikesan. Kerana itu kejayaan polis Kuala Lumpur memburu mereka yang terlibat begitu membanggakan.

Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) tidak kurang hebat. Jabatan itu telah membuka 57,437 kes manakala pertuduhan

kertas siasatan semasa mencapai 98.75. Bagi Adi peratus ini tinggi, melambangkan kejayaan membawa pesalah trafik ke muka pengadilan.

Yang menarik, bukan sahaja JSPT menyaman dan mendakwa pesalah trafik, ia juga berusaha memastikan kelancaran lalu lintas di ibu negara, terutama pada waktu puncak.

Untuk tujuan itu, 170 pegawai kanan polis dan pegawai rendah polis daripada jabatan berkenaan ditugaskan memantau kesesakan trafik di ibu kota, tanpa mengira waktu dan masa demi keselesaan pengguna jalan raya.

Oleh itu jelas pihak polis bukan sahaja bertugas membanteras jenayah atau menangkap pesalah, tetapi juga memastikan ketenteraman awam sentiasa dijaga. Ini sesuai dengan slogan Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada.

Malah peranan rakyat sebagai 'mata dan telinga' sangat dituntut dalam membantu polis melaksanakan tanggungjawab dengan lancar. Kerana itu bagi Adi, polis adalah kawan dan tidak perlu ditakuti selama kita tidak terlibat dengan jenayah atau pelanggaran undang-undang.


Kita perlu sedar keselamatan dan ketenteraman yang dinikmati sebahagian besarnya adalah kerana jasa bakti serta usaha gigih pihak polis yang berkorban masa dan tenaga demi kesejahteraan warga kota. Kerana itu jasa pengorbanan mereka wajar disanjung. Hormati dan sokong tugas mereka.

Adi—Pernah mohon jadi polis

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya**.
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

RAGAM KOTA

F#minor





KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

MENJADI tua bukan pilihan tetapi anugerah. Sekalipun begitu bukan semua orang tua berpeluang menjalani kehidupan tua yang sejahtera terutama dalam masyarakat di negara-negara yang mundur dan rendah sivik.

Di negara-negara maju, peningkatan usia hingga ke tahap warga tua dilihat sebagai gedung pengalaman yang dimanfaatkan. Malah tidak wajar dibiarkan menjalani kehidupan yang terbuang seperti barang yang luput tarikh.

Oleh kerana itu banyak dasar digubal bagi memastikan golongan tua terbela dan berpeluang menyumbang kepada masyarakat. Sekalipun bukan semua orang tua berpengalaman dalam bidang tertentu, tetapi sesetengah dalam kalangan mereka memang gedung ilmu dan pengalaman.

Pembuat-pembuat dasar yang masih muda perlu memikirkan hal orang tua. Mereka lah yang menjadi penentu kelangsungan hidup golongan tua pada masa depan.

Menurut laporan Bank Dunia pada 2020, Malaysia diramal menjadi negara tua pada 2044. Walaupun begitu dasar-dasar sosial yang boleh mendokong matlamat mengurangkan tekanan hidup golongan warga tua belum nampak jelas.

Dalam keadaan peralihan demografi yang terus bergerak itu sepatutnya kepedulian terhadap warga tua lebih pantas, bukan perlahan dan hampir tidak kelihatan. Dalam hal ini kesungguhan politik perlu memainkan peranan dengan ketara bagi mencapai matlamat tersebut.

Tetapi setakat ini belum nampak dengan jelas pelan tindakan yang proaktif selari dengan negara-negara maju lain dalam isu peralihan demografi dan meningkatnya populasi warga tua. Kalau dibandingkan dengan Singapura misalnya, negara kita mungkin agak jauh untuk sampai ke tahap di negara itu.

Dalam carian di Internet ada ditemukan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) yang antara kegiatannya mengadakan Sambutan Hari Warga Emas. Setakat ini tidak dilaporkan dengan lengkap pelan dan dasar khusus untuk warga tua.

Perlaksanaan undang-undang adalah suatu yang sangat penting dalam memastikan kedudukan kewangan warga tua terjamin. Pada masa yang sama dapat memanfaatkan kemahiran atau

Kebajikan bagi warga tua



BANYAK negara maju sudah ada dasar tertentu untuk memanfaatkan pengalaman warga tua. - Gambar hiasan

pengalaman dalam bidang-bidang tertentu. Inilah sumbangan warga tua kepada masyarakat.

Mungkin ada yang bertanya, siapakah yang dikelaskan sebagai warga tua?

Menurut definisi yang digunakan oleh Bank Dunia atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), warga tua adalah mereka yang berusia lebih 65 tahun. Di beberapa negara terutamanya yang mundur, individu yang sebaya itu berdepan tanggapan sebagai warga yang membebankan.

Sekalipun begitu, peribahasa Melayu, 'kelapa tua semakin banyak santannya' tetap berasas dan ada kebenarannya. Banyak dalam kalangan mereka kaya dengan pengalaman dan ini boleh menyuntik semangat kepada orang muda.

Sebenarnya pengalaman adalah suatu yang abstrak - tidak boleh dibeli dengan wang ringgit atau diukur dengan angka. Pengalaman diperoleh daripada kejadian yang dilalui pada garis masa kehidupan. Maknanya semakin panjang usia seseorang itu memungkinkan lebih banyak pengalaman dikutip daripada kehidupan.

Sekalipun begitu pengalaman berkenaan tidak bermakna sekiranya tanggapan bahawa warga tua suatu beban tidak diubah.

Menjadi tua tidak wajar menjadi satu hukuman kepada mana-mana individu sekali gus menafikan kepedulian sosial dan psikologi yang selayaknya.

NASIB TERBELA

SEKARANG ini dunia sedang berdepan dengan krisis peralihan demografi apabila meningkatnya populasi warga tua. Keadaan sedemikian menjadi pemangkin wujudnya masyarakat tua (*ageing society*). Seterusnya menjadikan negara tua (*ageing state*) apabila jumlah warga tua melintas garis 15 peratus daripada populasi.

Bagaimanapun kesedaran sosial yang tinggi dalam masyarakat dan pembuat dasar di negara-negara maju telah menjadikan golongan warga tua lebih terbela. Langkah proaktif sesetengah negara menjadikan warga tua lebih bernilai dan pengalamannya terus dimanfaatkan.

Akan tetapi semua yang dikatakan itu menuntut perubahan pemikiran yang holistik dalam kalangan pembuat dasar, keterbukaan masyarakat termasuk majikan dan seterusnya oleh keluarga. Secara mudah dasar-dasar yang berteraskan kemanusiaan memungkinkan warga tua hidup gembira hingga ke akhir hayatnya.

World Population Prospect (Revision 2019) melaporkan, pada 2050 dijangka satu daripada enam penduduk dunia berusia 65 tahun ke atas. Pada masa yang sama populasi 143 juta penduduk dunia berusia 80 tahun pada 2019 dijangka meningkat pada 426 juta pada 2050.

Pada 2010 Bank Dunia pula melaporkan, buat pertama kali dalam sejarah populasi penduduk berusia 65 tahun ke atas mengatasi populasi kanak-kanak berusia lima tahun dan ke bawah. Peralihan demografi ini menuntut kesedaran semua pihak - pembuat dasar, ahli masyarakat dan keluarga.

Oleh kerana itu, banyak negara maju sudah ada dasar-dasar tertentu untuk memanfaatkan pengalaman warga tua. Dasar itu sebenarnya berkoncepcion serampang dua mata - menghindarkan warga tua daripada terasing dan memindahkan pengalaman kepada generasi yang lebih muda.

Jepun misalnya, sejak tahun 2000 sudah memperkenalkan beberapa dasar dan insentif bagi mengurangkan beban keluarga yang mempunyai warga tua. Antaranya mewujudkan pelan insurans yang memberi perlindungan hingga berusia lebih 80 tahun.

Kemudian pada tahun 2011, kerajaan Jepun mewujudkan pusat penjagaan yang khusus untuk warga tua selain membangunkan teknologi perubatan untuk menangani penyakit yang sering dihadapi oleh golongan itu.

Ini juga serampang dua mata - meningkatkan tahap kesihatan dan mewujudkan industri yang dapat mengurangkan belanja penjagaan kesihatan kepada warga tua.

Menurut satu statistik, ketika ini 25 peratus daripada populasi Jepun terdiri daripada warga tua. Keadaan ini dijangka meningkat hingga 40 peratus menjelang tahun 2060. Sekalipun Jepun adalah sebuah masyarakat teknologi, mereka tetap mempunyai kesedaran sosial dan tanggungjawab kemanusiaan yang tinggi dalam isu warga tua.

Negara jiran kita, Singapura juga sudah jauh di depan dalam memastikan kebajikan kepada warga tua. Pada 2019 sebanyak 15 peratus daripada populasi Singapura terdiri daripada warga tua. Dijangka pada 2030 seorang warga tua dalam empat penduduk Singapura yang bekerja dan berusia antara 20 hingga 64 tahun.

Untuk berdepan dengan keadaan itu, kerajaan menggubal beberapa akta bagi melindungi warga tua daripada sudut kewangan dan sosial. Antaranya menggubal Maintenance Act dan Retirement and Reemployment Act. Penguatkuasaan secara undang-undang kedua-dua akta ini memperlihatkan ketegasan kerajaan terhadap kebajikan warga tua.

Penguatkuasaan undang-undang juga meliputi dalam kalangan majikan. Misalnya melalui The Retirement and Reemployment Act telah menambah usia persaraan pada 62 tahun. Dalam pada itu majikan secara undang-undang diarahkan mengambil warga tua bekerja semula sekiranya ada permohonan.

Masa depan orang tua mesti difikirkan oleh golongan yang lebih muda. Bukan hanya untuk orang lain, malah sesiapa sahaja yang dianugerahkan kesihatan yang baik berpeluang menjadi orang tua - termasuk golongan muda hari ini.

Memikirkan masa depan dan kepentingan orang tua adalah mengambil endah masa depan sendiri. Mulai sekarang yang ada kuasa bolehlah merangka dasar tertentu menuju keberhasilan kebajikan orang tua. Hidup sentiasa menuju ke depan. Apabila sampai masanya mereka yang kini masih muda yang menikmati hasil daripada dasar berkenaan.

5 tahun lalu, adakah kita belajar?



ZULKIFLI SULONG

LIMA tahun lalu, saya telah bertanya secara bersemuka kepada Perdana Menteri yang baru memegang jawatan beberapa minggu ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, tentang sikap beliau terhadap media.

Saya mengajukan soalan ketika kami penggiat media yang menyokong Pakatan Harapan (PH) dipanggil bertemu dengan beliau di Yayasan Albukhary, yang terletak berhampiran dengan Masjid Negara.

Dalam pertemuan itu, saya berkata, apabila sesebuah kerajaan bertukar, perkara pertama yang dibuat oleh kerajaan yang baru mengambil alih kuasa adalah menguasai media. Apa pula sikap Kerajaan PH ini terhadap media?

Tun dengan tegas berkata beliau akan membebaskan media bergerak tanpa sebarang kongkongan atau penguasaan. Beliau tidak bercadang untuk meletak orang-orang kepercayaannya di mana-mana organisasi media hatta media kerajaan termasuk Bernama dan juga RTM.

Hasilnya, Kerajaan PH pimpinan Tun Mahathir jatuh selepas hanya 22 bulan berkuasa.

Kerajaan PH tidak mampu menguasai pemikiran rakyat kerana kerajaan tidak menguasai media, manakala pemain media sosial yang menyokong PH juga tidak berpuas hati dengan sikap kerajaan yang tidak mahu menguasai media dan tidak memberikan apa-apa tempat untuk mereka berfungsi.

Akibatnya mereka merasa tidak diraikan bahkan merasa mereka tidak diperlukan apatah lagi dihargai.



AKHBAR Wilayahku kini merangkumi berita seluruh negara.

Lalu jadilah mereka umpama pontianak tanpa tuan.

Penggiat media sosial PH lah yang memulakan kempen 'kerajaan sepenggal' yang selepas itu disambut oleh laskar siber daripada PAS dan UMNO ketika itu.

Kesempatan inilah yang diambil oleh pengkhianat PH ketika itu dan tertubuhlah Kerajaan Perikatan Nasional (PN) selepas BERSATU keluar daripada kerajaan dan bekerjasama dengan PAS dan UMNO.

Lima tahun dahulu, ketika saya diamanahkan untuk menjadi Setiausaha Akhbar kepada Menteri Wilayah Persekutuan, saya telah mengusahakan penubuhan akhbar ini. Ia dilakukan selepas mengambil kira sikap pemimpin kerajaan ketika itu.

Dengan persetujuan menteri dan kerjasama penuh pegawai kanan kementerian ketika itu, Wilayah Media Sdn Bhd telah berjaya ditubuhkan di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan

(YWP).

Selepas itu, permit untuk Wilayahku telah berjaya diperolehi dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan lahirlah akhbar ini. Apabila YWP membuat penyelaras terhadap branding dan anak-anak syarikatnya, Wilayah Media ditukar kepada YWP Media Sdn Bhd.

Selepas lima tahun saya kembali ke sini. Saya kembali sebagai penulis kolumn ini. Insya-Allah, jika tidak ada sebarang masalah dan gangguan, saya akan mengisi kolumn ini pada setiap keluaran akhbar ini mulai hari ini.

Ketika syarikat media ini ditubuhkan dan akhbar ini diterbitkan, wawasan saya dan rakan-rakan ketika itu adalah jelas, untuk menjadi sebuah syarikat media milik kerajaan yang besar dan setaraf dengan syarikat media utama yang lain.

Kami mahu, kerajaan membayai dan menguasai satu syarikat media yang setaraf dengan kumpulan Media Prima, The

Star dan lain-lain. Penerbitannya pula bukan sekadar media cetak tetapi juga video yang memenuhi semua media sosial dan jika perlu mempunyai stesen TV dan radio sendiri.

NARATIF KERAJAAN

PENDEK kata, kita mahu naratif kerajaan ketika itu dapat disampaikan kepada rakyat termasuk kakitangan kerajaan dengan baik. Bukan setakat ada sahaja tetapi tidak sampai kepada rakyat sebagaimana apa yang berlaku kepada banyak naratif kerajaan sekarang.

Saya dan rakan usahakan perkara itu selaras dengan sikap Perdana Menteri waktu itu yang mahu media yang ada dibebaskan dan kerajaan tidak mahu mengawalnya. Untuk membantu menyelesaikan isu penyampaian naratif kerajaan, kita bina syarikat ini.

Ketika itu, kami hanya bernaung di bawah satu kementerian sahaja kerana Pengurus YWP, dengan kehendak perlombagaannya, adalah Menteri Wilayah Persekutuan.

Kini menteri yang menjadi Pengurus YWP adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri selepas Kementerian Wilayah Persekutuan dibubarkan. Kalau selama ini ruang lingkup dan kerja syarikat ini hanya terkongkong dalam Wilayah Persekutuan sahaja, kini ruangnya menjadi lebih luas.

Media ini tidak lagi bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan semata-mata tetapi Malaysia keseluruhannya kerana bos kepada syarikat media ini adalah Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada kesempurnaan perjalanan kerajaan Malaysia dan rakyat yang bernaung di bawahnya.

Kini sudah setahun, Kerajaan

Perpaduan memimpin negara ini dengan jenama Malaysia Madani. Daripada pembangkang dan idola rakyat marhaen, Anwar sudah setahun menjadi Perdana Menteri.

Sabtu hari, Anwar membawa idea baru untuk rakyat. Pembangunan modal insan menjadi sasaran utama, bukannya membangunkan bangunan pencakar langit yang menjadi gerak kerja utama kerajaan sebelum ini.

Namun, apakah semua rakyat faham apa yang hendak dibawa oleh Kerajaan Madani ini?

Apakah tragedi rakyat tidak faham naratif yang hendak dibawa oleh Kerajaan PH dahulu akan berulang lagi dalam kerajaan ini?

Ini perlu dijawab oleh penggiat media yang diberikan kepercayaan oleh Datuk Seri Anwar untuk duduk di kerusi-kerusi empuk di keliling beliau.

Apakah Bernama dan RTM berjaya membawa dan menyampaikan naratif yang hendak dibawa oleh kerajaan?

Apakah media arus perdana yang mendapat dana jutaan ringgit melalui media buy berjaya menyampaikan naratif kerajaan?

Apakah penggerak media parti dalam Kerajaan Perpaduan diberikan peluang untuk membantu kerajaan menyampaikan naratifnya atau sekadar menjadi tetamu majlis-majlis rasmi kerajaan sahaja?

Ini semua perlu dijawab dan dibuat pembetulan jika ada berlaku kesilapan di mana-mana. Sebelum nasi menjadi bubur dan rakyat lebih percaya naratif yang dibawa oleh pembangkang daripada kerajaan, ia perlu diperbetulkan jika salah. WK

PENULIS adalah bekas Ketua Pengarang Harakah yang memimpin media PAS itu ketika zaman kegemilangannya.

PENGIKLANAN AKHBAR



MUKA PENUH

26 cm X 32 cm

RM7,500



SEPARUH MUKA

26 cm X 16 cm

RM5,500



SUKU MUKA

13 cm X 16 cm

RM4,500



PANEL BAWAH

26 cm X 6 cm

RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL



BANNER ATAS RM3,000

BANNER TENGAH RM2,500

BANNER TEPI RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya



WILAYAHKU

Bil 240.8-14 DISEMBER 2023

WILAYAHKU

Anyaman kelarai seni halus zaman-berzaman

►►10





Warisan yang tidak pernah lapuk



Foto : SYUQQREE DAIN
HAZIRAH HALIM

BULUH merupakan antara tanaman yang mempunyai pelbagai kegunaan zaman berzaman. Misalnya, satu ketika dahulu, ia adalah bahan utama dalam seni bina rumah.

Kemahiran dan kreativiti masyarakat tradisi dalam membilang dan menyusun bilah buluh tidak dapat dinafikan lagi. Mereka turut menguasai teknik menganyam dan meraut.

Dalam masa yang sama, pelbagai produk kraf tangan berjaya dihasilkan antaranya bakul, dulang, nyiru dan tudung saji sekali gus membantu mereka menjana pendapatan.

Menyedari tentang hasil seni yang boleh meningkatkan taraf kehidupan masyarakat, pelbagai kursus dianjurkan pihak kerajaan antaranya Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) yang merupakan inisiatif Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia).

Program ini menyasarkan penglibatan peserta yang terdiri daripada golongan belia, asnaf, Orang Kurang Upaya (OKU), penganggur, suri rumah termasuk golongan berpendapatan rendah (B40).

Terbaharu, seramai 15

peserta diberi pendedahan dan latihan praktikal tentang proses penghasilan, pembuatan dan pengeluaran produk kraf bagi anyaman buluh kelarai di Pusat Kraf Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan.

Inkubator Pusat Kraf Simpang Pertang, Muhammad Hafizul Husin berkata anyaman buluh kelarai dihasilkan daripada buluh akar yang diambil di hutan dan kebanyakannya dihasilkan oleh golongan wanita menggunakan tangan.

"Untuk anyaman kelarai tidak semua buluh boleh digunakan. Biasanya kami akan gunakan buluh akar di mana buluh ini tidak boleh dekat dengan air. Kedudukannya mesti di atas bukit, jika ia mengandungi banyak air akan menyebabkan sukar dianyam dan mendapat bentuk yang sepatutnya.

"Secara ringkasnya, buluh tersebut akan melalui proses dipotong, dibuang durinya, diwarna, dijemur dan akhirnya dianyam dengan pelbagai corak," katanya sesetengah individu mampu menyiapkan tiga anyaman dalam satu hari.

Berkongsi lanjut kepada Wilayahku, Hafizul berkata anyaman kelarai dipecahan kepada empat jenis iaitu tumbuhan, nama manusia, haiwan dan

abstrak.

"Motif antara corak yang sering dihasilkan adalah seperti bentuk bunga seperti cengkeh, cempaka, melur dan tanjung," ujarnya yang pernah menerima tempahan 600 unit kelarai siku kelawang daripada Raja Permaisuri Agong untuk dijadikan sebagai cenderahati majlis.

Bagi salah seorang peserta program, Puziah Abdul Manaf, 63, teknik membuat dulang bukanlah satu perkara yang mudah baginya kerana dia perlu menghafal ukuran saiz yang ditetapkan.

"Perkara paling utama adalah menentukan saiz lebar dan panjang dulang ini dan bahan-bahan yang digunakan adalah buluh yang telah disiat daripada batang buluh tersebut," katanya.

BATIK BLOK

SELAIN anyaman peserta juga didedahkan dengan cara membuat batik blok yang menggunakan teknik terap atau cap. Ini merupakan teknik terawal digunakan di Malaysia bagi penghasilan batik.

Bahan-bahan yang digunakan adalah blok yang diperbuat daripada besi atau tembaga. Pelbagai sumber mengatakan blok yang diperbuat daripada logam akan menghasilkan terapan yang

lebih halus, cantik dan kemas.

Berkongsi pengalaman mempelajari seni tersebut, Ramiza Muyup, 46, berkata kayu blok yang bercorakkan bunga lada digunakan sekali gus melambangkan bunga identiti Negeri Sembilan.

"Antara bahan-bahan yang digunakan adalah lilin, damar, kain dan warna. Kepingan lilin dan damar yang telah dikeraskan dimasak dengan api yang panas supaya ia mudah ditekap.

Sementara itu, di bawah kain tekapan akan diletakkan span lembap supaya hasilnya lebih cantik.

"Dari segi corak pula, Negeri Sembilan menggunakan corak bermotifkan bunga lada yang melambangkan keunikan negeri ini selain sinonim dengan juadah masak lemak cili api," katanya.

Pembantu Pegawai Latihan, Nur Asmira Abdul Manaf berkata projek tersebut melibatkan seramai 15 peserta yang terdiri daripada penjahit baju yang diberi pendedahan dalam aspek teknikal dan fizikal.

"Mereka boleh mempelajari teknik menghasilkan pakaian, seluar dan sebagainya melalui bengkel ini dan rata-ratanya sudah mampu menghasilkan produk tersebut," ujarnya produk yang dihasilkan turut dijual di My Craft Shope. WK



BATIK blok dan buluh kelarai antara dua produk kraf yang masih relevan.

Gaza Art Exhibit

Pamer kisah derita Palestin



Foto: SYUQQREE DAIN

HAZIRAH HALIM

MASYARAKAT hari ini membuka mata dan memberi perhatian yang tidak berbelah bahgi terhadap kekejaman rejim Zionis Israel kepada penduduk di Gaza, Palestin.

Malah, semenjak tercetusnya perang pada awal Oktober lalu, dunia berkumpul membantu menyebar luaskan kebenaran tentang kekejaman Israel di samping bersatu menunjukkan tanda solidariti atas kejadian tersebut.

Sehubungan itu, Art Market Malaysia dengan kerjasama Cinta Gaza Malaysia menghimpunkan seramai enam pelukis tempatan mempamerkan 50 koleksi karya lukisan berkonsepkan penceritaan di Gaza menerusi Program Gaza Art Exhibition.

Ia berlangsung selama sebulan bermula 1 hingga 31 Disember bertempat di Lobi Utama, Menara KPJ, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Penganjur dan Pengasas Art Market Malaysia, Rita Hatta berkata pameran tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada umum tentang situasi peperangan yang sedang berlaku di bumi Gaza di samping mengutip dana hasil jualan lukisan.

“Ia menampilkan 50 koleksi lukisan yang akan dijual dengan harga di bawah RM10,000 dan hasil daripada jualan tersebut, 50 peratus akan disalurkan kepada akaun



AFDLIN (kiri) dan Rita ketika merasmikan Gaza Art Exhibit di lobi utama, Menara KPJ pada Selasa.

sumbangan Cinta Gaza Malaysia untuk membantu menyalurkan keperluan seperti makanan, pakaian dan sebagainya untuk saudara di Palestin.

“Pameran ini melibatkan kesemua pelukis tempatan dan ada di antara lukisan tersebut melibatkan hasil karya daripada pelukis-pelukis autisme,” katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, pelakon dan pengarah terkenal, Datuk Afdlin Shauki turut tersentuh dengan setiap lukisan yang dihasilkan oleh para pelukis dan merasai kesengsaraan yang sedang ditanggung oleh penduduk Palestin.

“Lukisan ini adalah ekspresi mereka terhadap peperangan yang sedang berlaku di Gaza. Saya sangat menghargai dan memberi penghormatan tinggi kepada usaha mereka untuk membantu mengumpul dana buat saudara kita di Palestin.

“Semasa melihat kesemua hasil karya

lukisan itu, saya berasa sebak dan hampir menitiskan air mata kerana teringat ketika berada di sana selain dapat rasakan kesengsaraan yang tidak mungkin berakhir itu.

“Saudara Palestin pernah berkata kepada saya bahawa masyarakat Malaysia jauh tinggal beribu batu tetapi sentiasa datang membantu dan mereka amat menghargainya. Justeru itu, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada para pelukis atas karya yang bermakna ini.

“Saya harap pameran ini mendapat kunjungan ramai dan dalam masa yang sama teruskan berdoa, apa sahaja sokongan dan bantuan yang boleh dibantu, kita bantu,” katanya selepas merasmikan Gaza Art Exhibit pada Selasa.

Terdahulu, Gaza Art Exhibit menampilkan koleksi karya seni lukisan oleh pelukis-pelukis terkenal antaranya Ibnoor Jalil, Lan Itam, Mail Itam, Abey Zoul, Luq Zaidismail dan Din Harun.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan lukisan-lukisan penceritaan Gaza tersebut, boleh berkunjung ke pameran atau menghubungi Rita Hatta di talian **016-398 0938**.

LUKISAN PENUH MAKNA

MENAMPILKAN lukisan potret gambaran seorang Srikan Palestine yang sedang merenung jauh dalam keadaan penuh dendam membara, karya pelukis terkenal, **Din Harun** antara koleksi yang menarik perhatian.

Mendapat ilham daripada cerita yang dikongsikan oleh seorang petugas sukarelawan yang pernah ke Palestin, Din berkata dia mengambil masa selama empat hari untuk menyiapkan lukisan dengan meletakkan jiwynya di dalam gambar tersebut.

“Lukisan ini memfokuskan bahagian mata untuk melihatkan perasaan dendam, bagaimana hendak melawan Zionis dalam mendapatkan tanah Palestin selain terdapat kain Keffiyeh yang menyulut wajah dan kepala.

“Kain Keffiyeh berwarna hitam putih itu disinonimkan sebagai bendera tidak rasmi Palestin dan pemakaian tersebut menunjukkan ketegasan dan kekuatan srikandi ini seakan-akan seorang pahlawan lelaki,” katanya.

Menurut Din Harun, pameran berkonsepkan lukisan Gaza ini merupakan penglibatan pertamanya dan dia berasa teruja apabila dapat mengekspresikan perasaan dan jiwa dalam lukisan tersebut.

“Dengan lukisan bercorak potret bergambar ini, masyarakat lebih mudah memahami keadaan dan perasaan sebenar yang dipendam dan ditanggung oleh rakyat Palestin. Saya harap karya-karya saya dan pelukis lain akan mendapat sambutan sekali gus membantu mencapai objektif penganjuran Gaza Art Exhibit,” ujarnya yang dapat menghasilkan lapan lukisan lain.

Sementara itu, pelukis Watercolourist painting, **Abey Zoul** pula mengetengahkan karya *On an Olive Branch* yang menceritakan tentang keadaan tiga orang kanak-kanak berdiri, berpegangan tangan di tepian tebing barat bersama gabungan kibaran bendera Palestine.

“Sebagai seorang pelukis, kita mampu menyampaikan mesej dengan sebuah kanvas dan sebatang berus, jadi peluang ini saya ambil untuk mempamerkan kesengsaraan dan perjuangan serta kebangkitan semangat masyarakat Palestine dalam mempertahankan tanah mereka.

“Melalui lukisan ini, saya harap ia dapat membantu menyampaikan mesej tentang kesengsaraan warga Palestine di samping meningkatkan kesedaran orang ramai,” katanya yang turut menampilkan sebuah lagi lukisan bermotifkan warna air bertajuk *No Tanks*.

ANTARA koleksi lukisan yang dijual.



JAMAL TOMMY menunjukkan hasil karya seninya.

Jiwa halus seorang pelukis masyarakat



SHUAIB AYOB

BERTEMANKAN hiruk-pikuk pengunjung yang lalu-lalang dan sayur suara radio peribadi di Art Lane Pasar Seni, tangan kanannya ligat mewarna potret. Jamal Tumiran atau lebih mesra dikenali dengan panggilan Uncle Jamal Tommy, 56, masih giat berkarya kerana hasil seni tangannya tidak pernah berehat daripada permintaan pelanggan sejak membuka galerinya di pasar itu tujuh tahun lalu.

Tika malam bertambah larut, saat pengunjung beransur-ansur membawa diri, tangannya masih menari-nari di atas kanvas. Susuk tubuhnya masih tegap melawan ngantuk. Semuanya dilakukan demi kepuasan hati pelanggan.

“Bagi saya, jika seseorang itu boleh menghasilkan karya menggunakan medium cat air, dia seorang yang hebat kerana sudah tentu berkarya menggunakan medium yang lain menjadi sesuatu yang mudah,” ujarnya ketika tinjauan Lensa Wilayahku memotret hasil lukisan beliau baru-baru ini.

Anak jati kelahiran Muar, Johor ini



PERALATAN yang digunakan untuk melukis potret.

menganggap melukis seperti satu terapi dalam kehidupan sehari-hari. Padanya, saat memegang berus cat dan mula memotret, jiwnya terasa tenang dan masalah seperti terbang dibawa konsentrasi.

Pesan kepada anak muda yang baru hendak berjinak-jinak dalam bidang ini, cubalah jadi diri sendiri,

yakin pada bakat dan anugerah yang dikurnia Ilahi dan jangan berhenti menggali ilmu selagi nadi masih berdenyut.

Kepada pembaca yang mempunyai kisah dan hobi yang menarik dan ingin berkongsi kepada kami, sila e-melkan kepada unitphotowilayahku@gmail.com.

wk



ANTARA karya seni yang dihasilkan oleh Jamal Tommy.



VIDEO: HASIF HALIMI
SYUQQREE DAIN

ADA yang memanggil ia sebagai batu nisan dan ada juga mengenalinya sebagai batu penanda kubur, tetapi bagi sesiapa yang tidak biasa jangankan melihat malah mendengar namanya sahaja sudah cukup menakutkan.

Namun bagi Fadzil Jantan, 47, yang berpengalaman dalam membuat batu nisan, kepuk, membaik pulih serta menggali kubur, dikelilingi batu nisan adalah perkara biasa baginya.

Memepang jawatan sebagai ketua kampung di Kampung Teras Jernang yang juga pemilik perniagaan Budak Kubur Enterprise, Fadzil berkata dia mula mengikuti bapanya membuat kerja menggali kubur sejak berusia 14 tahun.

Mengambil masa tiga tahun untuk mempelajari cara-cara membuat batu nisan di sebuah kedai menjual batu nisan bertempat di Rompin, Pahang, Fadzil tekad untuk meneruskan apa yang telah dipelajari dengan membuka Budak Kubur Enterprise.

Bapa kepada empat anak ini juga memasang niat untuk membantu penduduk setempat dengan mengadakan sistem pembayaran secara ansuran bagi individu yang kurang berkemampuan untuk membuat tempahan batu nisan dan kepuk di kedainya.

Bagi proses pembuatan batu nisan dan kepuk di Budak Kubur

Tanda akhir oleh 'Budak Kubur'



KEPUK yang telah siap dan sedia untuk dihantar kepada pelanggan.

Enterprise, ia bermula dengan penerimaan tempahan daripada pelanggan diikuti mencari jenis jubin dan bahan dari kedai perkakasan serta pembekal. Jubin untuk membuat kepuk akan dipotong mengikut saiz dan ukuran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), manakala batu nisan seperti jenis Tarazo pula akan dibuat menggunakan acuan buatan sendiri mengikut jenis bahan yang diinginkan.

Batu nisan yang telah siap kering akan melalui proses penggilapan serta melicin menggunakan mesin dan akan dibentukkan mengikut tradisi kaum Melayu iaitu batu nisan bagi jenazah lelaki berbentuk bulat manakala wanita adalah leper

atau bersegi. Harga adalah bermula dari RM850 sehingga RM29,000 bergantung kepada saiz, bahan dan reka bentuk kepuk.

Menurut Fadzil, pelanggan dari Johor dan Perak turut pernah menempah set batu nisan di Budak Kubur Enterprise. Tempahan batu nisan akan meningkat pada waktu tertentu antaranya pada musim perayaan dan tempahan diterima mampu mencecah sehingga 70 set sebulan.

Ditanya mengenai stigma masyarakat yang menganggap tanah kubur sebagai lokasi yang menyeraikan, Fadzil yang mempunyai pengalaman lebih 14 tahun dalam penghasilan batu nisan berkata, beliau tidak menafikan kerana mempunyai pengalaman yang dialami sendiri tetapi baginya tiada apa yang perlu ditakutkan kerana kini tanah perkuburan kelihatan lebih bersih, cantik dan kemas.

Antara pengalaman aneh yang diceritakan Fadzil sepanjang bergelar seorang 'Pembuat Batu Nisan' ialah lubang kubur yang sudah digali mengikut ukuran tidak dapat memuatkan si mati lalu terpaksa digali beberapa kali dan ada juga tanah kubur yang mengambil masa lebih empat jam untuk digali sedangkan kebiasaannya hanya mengambil masa lingkungan satu hingga dua jam. **WK**



FADZIL menunjukkan batu nisan jenis marmar bagi jenazah wanita.



SEBAHAGIAN daripada batu nisan yang dihasilkan oleh Fadzil di kedainya yang terletak di Kampung Teras Jernang.



FOTO : SYUQQREE DAIN
VIDEO: HASIF HALIMI
DIANA AMIR

HANYA perlu rendam selama tiga minit dalam air panas, pembeli dapat menikmati kelazatan Sambal Kurau Masin Berlado dan Sambal Goreng Saadiah hasil air tangan pelakon dan pengarah versatil, Fauziah Ahmad Daud atau lebih dikenali sebagai **Kak Ogy**.

Sajian sedia dimakan (*meals ready to eat*) yang sudah pun berada di pasaran sejak tahun 2014 tersebut mempertaruhkan resipi turun-temurun ibunya iaitu Allahyarham Seniwiati Saadiah.

Berkongsi lanjut, menurut Ogy, rata-rata peminat sambalnya mengatakan hidangan tersebut memiliki satu rasa yang unik dan sukar untuk digambarkan kelazatannya.

"Antara komen yang saya terima, mereka susah nak letakkan satu definisi terhadap rasa Sambal Goreng Saadiah kerana rasanya yang begitu unik. Ada yang kata seperti sambal pengantin. Sejujurnya saya sendiri tidak pernah tahu rasanya bagaimana tetapi sebenarnya ia berbeza."

"Ada juga yang kata apabila makan sambal tersebut teringat air tangan ibu atau nenek di kampung. Ini menunjukkan betapa mereka di luar sana sangat merindui masakan

Teknologi retort kekal keunikan sambal Ogy

di rumah terutama yang berada di luar negara," ujarnya yang menerima tempahan di luar jangkaan pada musim perayaan dan Haji.

Bercerita mengenai idea perniagaannya, ia tercetus pada tahun 2014 ketika primadona ini berada dalam fasa ingin mencuba bidang baharu selain lakonan.

"Bagi saya memasak ini ibarat satu terapi. Saya mula dipaksakan masuk ke dapur oleh mak sejak berusia 15 tahun dan daripada situ minat itu mula timbul lantas membuatkan saya mahu mencuba pelbagai resipi baharu."

"Resipi ini saya belajar daripada arwah ibu selama tiga bulan kerana nak membuatnya sangat renyah. Rasanya perlu tepat dan seimbang dari segi bahan-bahannya seperti air asam, santan, air belacan dan sebagainya."

"Dalam Sambal Goreng Saadiah misalnya mempunyai tiga jenis protein iaitu udang, daging dan paru. Kebiasaannya apabila sebut sahaja sambal pasti ramai yang membayangkan ikan bilis atau paru tapi kita tawarkan satu perkara yang berlainan. Saya juga beruntung

kerana tidak mempunyai pesaing bagi sambal ini

"Untuk Sambal Kurau Masin Berlado pula, ia juga merupakan resipi daripada arwah mak dan sambutan yang diterima sangat menggalakkan. Seterusnya saya keluarkan pes kari di mana resipi ini adalah daripada arwah ayah, Ahmad Daud," jelas Ogy perniagaannya berdasarkan resipi turun-temurun daripada arwah ayah, ibu dan neneknya.

Dalam masa yang sama, dia turut mengakui dunia perniagaan pasti ada cabarannya, namun baginya setiap apa yang berlaku merupakan proses pembelajaran yang berharga.

"Di awal perniagaan, nak memasak bumbunya sahaja memerlukan masa sehingga 12 jam dan ketika itu saya hanya masak di rumah sahaja tetapi untuk menjalankan sesuatu perniagaan ia perlu dilakukan di kawasan industri atau kilang. Jadi, saya

sewa central kitchen selain

turut turun padang untuk menyiapkan tempahan pelanggan.

"Dahulu kita tidak tahu mengenai teknologi retort, jadi apa yang kami buat adalah menyimpan sambal di dalam peti sejuk beku. Sekiranya sambal yang sampai kepada pembeli basi kita akan gantikan dengan yang baru."

"Perkhidmatan retort yang ditawarkan oleh syarikat World Global Supremacy Sdn Bhd yang dikendalikan oleh Shahruhnizam Ahmad Shah menepati kehendak saya memandangkan ia tidak menjadkan rasa sambal tersebut," jelasnya teknologi retort banyak membantu usahawan memandangkan proses tersebut membuatkan makanan tahan selama dua tahun.


Menyentuh soal harga, bagi Ogy, harga yang ditawarkan

bermula RM30 sehingga RM35 adalah berbaloi kerana mereka hanya menggunakan bahan premium selain bungkusan eksklusif di mana gambar arwah ibunya dilukis oleh seniman Imuda.

Sehingga ke hari ini, Ogy tetap berpegang kepada pesanan yang dititipkan oleh arwah ibunya agar tidak sekali mencatuh bahan dalam menyediakan sambal. Ini kerana rezeki Allah bukan hanya terletak pada keuntungan jualan sahaja tetapi ia amat luas.

"Sambal Kak Ogy mempunyai pelbagai bahan, modal yang diperlukan paling sedikit adalah RM1,000 dan ke atas namun kebahagiaan serta kepuasan yang dizahirkan oleh pembeli membuatkan saya gembira."

"Itu juga satu rezeki dan sedikit pun saya tidak rasa rugi. Besar harapan agar perniagaan sambal ini dapat menembusi pasaran luar negara dengan lebih meluas," katanya. **WK**



IMBAS
KOD OR
UNTUK
MENONTON
VIDEO



SAMBAL Goreng Saadiah yang dimasak di kilang.

KAK OGY bersama dua produknya yang menjadi rebutan ramai.





Foto: AMIN FARIJ HASAN
DIANA AMIR

BAGI peminat sukan lasak, pasti sinonim dengan Taman Cabaran Putrajaya (TCP), Presint 5 yang menawarkan tiga tarikan utama iaitu Kompleks Pendakian Dinding Dalam Dalaman, Skate Park dan Thrill Park serta Laluan Basikal Gunung.

Tahukah anda *Speed Climbing* Kompleks Sukan Mendaki TCP yang baru siap dibina pada tahun ini merupakan satu-satunya *course speed climbing* bertaraf Olimpik yang diiktiraf oleh International Federation Sport Climbing di Malaysia.

Menurut Penolong Pengurus TCP, **Mohd Bazly Mohamad Najib**, dengan keluasan 30 hektar, kompleks tersebut mempunyai enam zon utama untuk pendaki pakar dan juga permulaan.

"Kebanyakan pendaki melakukan latihan mereka di sini selain ia turut menjadi lokasi untuk para atlet mengutip mata bagi melayakkan diri ke kejohanan antarabangsa.

TCP medan uji adrenalin

"Mereka dibenarkan untuk membawa peralatan sendiri namun akan diperiksa terlebih dahulu oleh kakitangan manakala bagi yang tiada peralatan, boleh menyewa dengan harga serendah RM3 (kapur), tali (RM15), abah-abah (RM5), kasut memanjat (RM7) dan peranti belay (RM4)," ujarnya baru-baru ini berlangsung Kejohanan Mendaki Wall Climbing Peringkat Kebangsaan di lokasi tersebut.

Selain menjadi hab sukan antarabangsa, objektif TCP juga adalah untuk menurunkan kadar obesiti di Putrajaya

khususnya dalam kalangan kanak-kanak serta mewujudkan komuniti sihat selaras dengan Blueprint Sukan Putrajaya.

"Harga yang ditawarkan juga berpatutan iaitu RM6 bagi dewasa manakala pelajar RM3. Kebiasaannya kita menerima jumlah pengunjung yang ramai pada hujung minggu dan Rabu di mana kebanyakannya adalah komuniti luar.

"Pengunjung dibenarkan membawa *belay* yang telah diiktiraf dan mempunyai sijil namun bagi mereka yang baharu, boleh mendapatkannya di kaunter," ujarnya pihak keselamatan akan meronda setiap satu hingga ke dua jam bagi memastikan

keadaan terkawal. Tambahan, kompleks yang mampu menempatkan sehingga 500 orang pengunjung dalam satu-satu masa itu turut menyediakan fasiliti lengkap seperti tandas, surau, kafeteria, bilik persediaan dan sebagainya.

Berkeluasan satu padang bola sepak, di sini juga merupakan lokasi papan luncur terbesar di Malaysia selain turut popular bagi rakaman iklan dan aksi ekstrem papan luncur.

ia juga merupakan satu-satunya kompleks di Asia yang mempunyai elemen seni bina yang *skateable* selain mengandungi tiga kombinasi lengkokan *bowl* yang dikenali *hips*, *spine* dan *street spine*.

"Melihat kepada trend kini, ibu bapa lebih terbuka untuk menerima sukan ini dan pada hujung minggu, lokasi tersebut sentiasa dipenuhi keluarga yang datang beriadah bersama anak.

"Kalau di sebelah pagi, kebanyakan yang datang membawa anak kecil bermain papan luncur manakala di sebelah petang kebiasaannya golongan remaja akan memenuhi kawasan ini," ujarnya.

Kongsinya, dalam dunia papan luncur, mereka mempunyai budaya saling menghormati ketika bermain dan dalam masa yang sama ia dapat mengelakkan sebarang kemalangan tidak diingini.

"Sebagai contoh, jika ada seorang peluncur yang sedang

bermain, mereka akan biarkan individu tersebut habis satu *line* barulah pemain seterusnya akan meluncur," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambah Bazly, selain Kompleks Sukan Luncur, TCP juga menyediakan denai basikal lasak yang dibina di puncak dan lereng bukit Taman Cabaran di kawasan hutan kebun getah dan kelapa sawit.

"Panjang keseluruhan denai adalah 9.1 kilometer dan mempunyai pelbagai jenis dan peringkat halangan seperti *Core Trail Loop*, *XC Loop*, *Downhill*, *Downhill Fun Ride*, *Free Cross* dan *Slope Style Line*.

"Untuk Thrill Park, laman ini dibina berdekatan dengan gelanggang sukan luncur. Ia adalah pusat latihan basikal *Dirt Jump* yang sistematis di Asia bagi penggemar Mountain Bike dan BMX *Dirt Jump*.

"Antara cabaran yang disediakan termasuk *Pump Track*, *Dirt Jump With North Shore Element* dan *Slope Style Jump*," jelasnya yang mengharapkan elemen halangan di Kompleks Sukan Luncur dinaik taraf mengikut spesifikasi Olimpik bagi memberi pengalaman kepada peluncur tempatan sebelum menyertai mananya kejohanan antarabangsa. **WK**





AKSI Mohd Bazly yang juga merupakan bekas atlet negara bagi sukan papan selaju.



DINDING tembok sukan mendaki terbahagi kepada enam zon.



PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY

Program Pembangunan Usahawan Muda Kota

Kios jualan ubah hidup Aniza

HAZIRAH HALIM

NISIATIF Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) melaksanakan Program Pembangunan Usahawan Muda Kota (UMK) dengan menyediakan kios jualan sejak tahun 2020 lalu ternyata memberi nafas baharu buat peniaga kecil di Wilayah Persekutuan.

Salah seorang peniaga di Jalan Alor, Bukit Bintang, **Aniza Daud**, 28, berkata inisiatif tersebut membantu dia dan suami mendapat tapak niaga yang lebih selesa serta tidak melanggar peraturan yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Syukur alhamdulillah kerana saya terpilih untuk menerima kios jualan ini. Sebelum ini, saya hanya bermula di rumah sahaja. Apabila dipilih saya dapat ubah corak perniagaan melalui urus niaga di bahu jalan pula."

"Kios ini dilengkapi kemudahan seperti kipas, tong air serta ruang kios bersaiz 7x7. Jadi, saya rasa ia sangat berbaloi. Selain itu, YWP juga menetapkan beberapa syarat antaranya perlu menjaga kebersihan di kawasan sekitar, tidak mengganggu lalu lintas dan tidak menyewakan kios kepada mana-



ANIZA bersama suami dihadapan kios mereka di Jalan Alor, Bukit Bintang.

mana pihak," ujarnya.

Tidak mengharapkan YWP membantu 100 peratus perniagaannya, dia dan suami mengambil langkah proaktif dengan mempromosikan serta menghebahkan produk jualannya kepada orang ramai.

"Sejurusnya faktor lokasi dan persekitaran memainkan peranan penting buat peniaga. Jadi, langkah yang saya ambil adalah bermula pada setiap hari Selasa hingga Ahad pada pukul 3 petang hingga 12 tengah malam kerana waktu tersebut ramai pengunjung," ujarnya

yang menjual laksa dan kopi di kios tersebut.

Terdahulu, Program UMK merupakan usaha yang dirangka oleh YWP bersama DBKL, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) serta pihak berkaitan. Ia menyediakan ruang perniagaan

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

secara kios dengan reka bentuk yang moden, teratur, kemas dan bersih untuk usahawan muda di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Bagi mengetahui maklumat lebih lanjut berkenaan program UMK, boleh melayari laman web rasmi www.yayasanwp.org atau hubungi pejabat YWP di talian **03-2698 3073**. WK

Gingerbread Christmas Village warnai Suria KLCC

DIANA AMIR

BERINSPIRASIKAN daripada tradisi membuat biskut gingerbread dan rumah, hiasan mewah dengan bertemakan *Gingerbread Christmas Village* mewarnai Suria KLCC mulai dari 24 November 2023 sehingga 1 Januari 2024.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Suria KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien**, pengunjung dijemput melangkah ke dunia magis *Gingerbread Christmas Village* di perkarangan Centre Court sambil disajikan pelbagai binaan mempesonakan inspirasi daripada *icing* dan gula-gula berwarna-warni.

"Sepanjang sambutan perayaan kali ini, para pengunjung berpeluang untuk menyertai *Kuiz Gingerbread Man Personality* bagi merungkai persona mereka selain menerima pin edisi terhad *Gingerbread Man*.

"Sambutan di Suria KLCC dijangka akan lebih meriah pada hujung minggu dan juga pada Hari Krismas dengan kemunculan *Santa Claus* dan *Ms Claus*," jelasnya pengunjung juga berpeluang mendekorasi biskut Krismas untuk dibawa pulang di *Gingerbread Bakery & Candy*.

Tambahnya, di Esplanade

KLCC pula pengunjung disajikan dengan kehadiran pokok Krismas ikonik yang tertinggi di Malaysia dilengkapi dengan perhiasan bertemakan *Gingerbread*.

"Di Suria KLCC, berdiri megah setinggi 100 kaki, pokok Krismas ini melambangkan komitmen kami untuk memupuk kecerian di seluruh bandar Kuala Lumpur.

"Untuk keriangan berganda, para pengunjung yang berbelanja RM1,500 ke atas melalui dua resit akan menerima sekeping e-baucar Suria KLCC yang bernilai RM100," ujarnya.

Berkongsi keterujaan, Andrew berkata pengalaman tidak terhenti di situ apabila para pengunjung juga berpeluang

untuk menyampaikan mesej bermakna buat yang tersayang melalui pengeposan poskad.

"Poskad Krismas ini akan dilengkapi dengan setem istimewa Suria KLCC yang boleh didapati melalui pembelian Pin Suria KLCC. Sumbangan para pelanggan juga akan disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan isu-isu kesihatan mental.

"Selaras dengan sambutan Krismas kali ini, Suria KLCC juga telah menderma sebanyak RM3,000 kepada Yayasan Dignity for Children yang dilihat sebagai salah satu inisiatif murni untuk tanggungjawab sosial dan korporat," katanya. WK



ANDREW (kiri) ketika gimik pelancaran pokok Krismas di KLCC.

Dengan Kerjasama **MOTHSPOWER** Centers For Excellence

BENGKEL MATEMATIK & SEJARAH SPM 2023

23&24 Disember 2023 Sabtu & Ahad **10.30 Pagi - 4.30 Petang** Auditorium 1, Kompleks Kejurran Presint 16, Putrajaya

Yuran Pendaftaran

| | | | |
|---------------------------------|----------|--------------------|----------|
| Ahli PPK | RM 50.00 | Bukan Ahli PPK | RM 61.00 |
| Terkemasuk Yuran Kehilangan PPK | | | |
| Makanan Disediakan | | E-Sijil Penyertaan | |

Imbas QR Kod untuk Pendaftaran atau Sila Layari <https://ppk.my/bmsspk2023>

www.ppk.pj.gov.my | perpustakaanputrajaya.rasmii | 03-8887 7667 / 7670 / 7671 / 7681



ANWAR (tengah) memuji usaha PEDi dalam memberikan peluang dan perkhidmatan terbaik buat rakyat khususnya dalam bidang teknologi digital.

PEDi berkembang pesat di seluruh negara

Ekosistem pacu kemajuan digital

HAZIRAH HALIM

PUSAT Ekonomi Digital (PEDi) merupakan inisiatif kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang bertujuan untuk menyediakan akses Internet kolektif kepada golongan luar bandar, pinggir bandar dan kawasan bandar yang kurang mendapatkan perkhidmatan Internet.

Ia tidak hanya memainkan peranan sebagai pusat sehenti bagi kemudahan itu sahaja tetapi turut menyediakan program latihan untuk meningkatkan literasi digital dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan masyarakat setempat.

Justeru itu, bagi mengiktiraf peranan Pengurus dan Penolong Pengurus PEDi merentasi 911 pusat PEDi di seluruh negara, MCMC telah menganjurkan Persidangan PEDi MADANI 2023 buat julung kalinya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Acara tersebut berjaya menghimpunkan lebih 3,000 pengunjung yang terdiri daripada pengurus, penolong pengurus, usahawan-usahawan dan rakan-rakan strategik MCMC yang terlibat dengan PEDi di seluruh negara termasuk pengunjung dari pelbagai latar belakang.

Ia juga turut menghimpunkan bakat-bakat dan meraikan usaha gigih wira-wira yang tidak didendang iaitu para fasilitator program PEDi khususnya 1,322 pengurus dan penolong pengurus di seluruh negara yang telah memainkan peranan penting di belakang tabir untuk menyokong celik digital dan keusahawanan.

Selain itu, acara ini juga diadakan untuk mengiktiraf kerja keras,



FAHMI menekankan sokongan berterusan kerajaan dalam memastikan keberkesanannya PEDi untuk kebaikan dan manfaat kepada masyarakat.

dedikasi dan usaha mereka dalam merapatkan jurang digital dan memupuk semangat pemerkasaan dalam kalangan penduduk kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

Dalam ucapan pelancaran Persidangan PEDi MADANI 2023, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji usaha PEDi dalam memberikan peluang dan perkhidmatan terbaik buat rakyat Malaysia khususnya dalam bidang teknologi digital, kemahiran tanpa mengira status sosial atau geografi yang sejarah dengan matlamat kerajaan.

Menyuarkan kemajuan yang dikongsi oleh Perdana Menteri, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil menekankan sokongan berterusan kerajaan untuk memastikan keberkesanannya PEDi untuk kebaikan dan manfaat masyarakat.

Beliau juga melahirkan rasa terima kasih kepada organisasi seperti Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), platform e-dagang dan penyedia perkhidmatan termasuk Telekom Malaysia, CelcomDigi, Maxis dan redONE kerana telah

memainkan peranan secara kolektif dalam menyediakan peluang dan e-program pembelajaran untuk meningkatkan pembelajaran dan pertumbuhan keusahawanan penduduk.

Di akhir persidangan itu, ia membawa orang ramai untuk memacu kemajuan dalam dunia digital termasuklah kumpulan usahawan dan pengurus yang berdedikasi.

PEDI HAB PENTING KOMUNITI

DALAM dunia yang membangun pesat hari ini, PEDi muncul sebagai platform berkuasa untuk memacu perubahan dan kemajuan di kawasan terpencil dan luar bandar.

Posisi ini dilengkapi dengan kelengkapan komputer dan akses Internet yang berfungsi sebagai ekosistem pembelajaran serta peluang yang bertenaga untuk komuniti setempat. Jelaslah, ini membawa perubahan yang baharu buat komuniti di mana pada suatu ketika dunia digital berada di luar batas kemungkinan.

Selain itu, PEDi ditubuhkan

sebagai pemangkin digital dalam komuniti sekitar yang menyediakan perkhidmatan dan sokongan penting seperti kemahiran asas komputer yang diperlukan oleh masyarakat setempat untuk menjadi individu celik teknologi.

PEDi juga menawarkan perkhidmatan nilai tambah seperti perkhidmatan kesihatan digital, urus niaga tanpa tunai dan perkhidmatan sehenti seperti pembayaran bil dalam talian di mana ia secara tidak langsung membantu dan membolehkan kemajuan yang lancar untuk komuniti.

Pembukaan-pembukaan pusat ini juga merupakan usaha transformasi untuk memacu pembangunan ekonomi digital negara ke arah aspirasi negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) iaitu teras yang memperjuangkan usaha menyedia persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi.

Pada masa ini, pusat-pusat PEDi di seluruh negara menyediakan akses Internet dan perkhidmatan nilai tambah kepada populasi 18.9 juta di antara penjarakan radius 5 kilometer (km). Terbukti, PEDi sangat bermanfaat kepada masyarakat dan berjaya mencatatkan rekod pengguna pusat tersebut sebanyak 1.3 juta.

Susulan sokongan daripada masyarakat, KKD melalui MCMC kini mempunyai sebanyak 911 PEDi di seluruh negara dan sebagai sebahagian daripada 1 DUN 1 PEDi, MCMC akan menubuhkan 186 PEDi menjelang suku kedua, 2024.

Ia bertujuan untuk menjangkau lebih banyak komuniti di samping memastikan orang ramai boleh mengakses dan mendapat manfaat daripada dunia digital. Selari dengan perkara tersebut, MCMC kekal komited untuk meluaskan

jaringannya serta memperkasakan lebih ramai individu dan komuniti untuk menjadi celik teknologi dan mengambil bahagian dalam ekonomi digital.

MELANGKAH KE HADAPAN

PEDi yang pada mulanya menawarkan akses Internet secara kolektif di kawasan luar bandar bagi golongan kurang berkemampuan kini berfungsi sebagai pemangkin ekonomi digital yang membantu meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti tempatan.

Berdasarkan keputusan penilaian impak PEDi MCMC yang dikongsikan oleh Fahmi Fadzil semasa persidangan PEDi MADANI 2023, terdapat penggunaan aktif PEDi yang tinggi pada 94 peratus dengan 89 peratus maklum balas adalah positif daripada komuniti. 70 peratus pula menunjukkan Skor Promoter Bersih menunjukkan kesediaan pengguna untuk mengesyorkan PEDi kepada orang lain. Hasilnya adalah bukti kejayaan dan impak PEDi kepada masyarakat.

Dengan adanya hala tuju strategik untuk PEDi, ia akan melihat pelan hala tuju yang lebih tertumpu untuk PEDi dalam mengembangkan dan menyokong komuniti.

Memandangkan PEDi di seluruh Malaysia terus berkembang dan menjangkau lebih banyak komuniti, terdapat satu perkara yang jelas yang dibawa oleh pusat ini kepada masyarakat – ia memangkinkan perubahan.

PEDi juga berperanan sebagai pihak yang membuka peluang pekerjaan, digital dan peluang untuk semua orang menjadi sebahagian daripada gelombang digital di samping membentuk masa depan di mana peluang berkembang melangkaui had geografi. **WK**

Rapat jurang digital, perkasa usahawan komuniti

Pengurus PEDi nadi operasi

HAZIRAH HALIM

Di tengah-tengah pertumbuhan digital dalam landskap luar bandar dan pinggir bandar, Pengurus Pusat Ekonomi Digital (PEDi) merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang digital dan memperkasakan penduduk di kawasan sekitar.

Bakti serta sumbangan jasa yang diberikan tidak terkira dan dapat dinilai. Mereka merupakan antara penggerak di sebalik perjalanan transformatif dalam komuniti dan melalui komitmen tidak berbelah bahagi yang ditunjukkan, membolehkan masyarakat memanfaatkan sepenuhnya teknologi digital berkennaan.

Pengurus PEDi melangkaui tugas pentadbiran dan menjadi penyokong komuniti di samping meluangkan masa untuk memahami tahap pengetahuan digital semasa dalam kalangan penduduk.

Melalui pemahaman ini, mereka menyediakan kelas dan program latihan yang bermaklumat serta disesuaikan untuk memberi inspirasi dan memperkasakan masyarakat.

Ketahanan dan kepercayaan mereka yang tidak berbelah bahagi terhadap kuasa transformatif teknologi menjadikan mereka tulang belakang PEDi.

Selain mengurus operasi harian, mereka turut membuat kelas dan program latihan yang bermaklumat serta memberi inspirasi dan memperkasakan komuniti. Malah memainkan peranan dalam memastikan pusat itu bukan sekadar ruang dengan komputer

semata-mata tetapi dijadikan sebagai hab pembelajaran yang berkembang maju dan kerjasama.

BATU LONCATAN

SEJAK penubuhannya pada tahun 2007, PEDi telah melangkah jauh sebagai pusat komuniti Internet yang menawarkan akses kepada komuniti. Hari ini, pusat-pusat tersebut telah berkembang menjadi hab program keusahawanan yang menyokong perjalanan digital dan keusahawanan rakyat.

Sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) menjadi tonggak kepada ekonomi negara apabila ia mencapai pertumbuhan sebanyak 11.6 peratus pada tahun 2022 dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM580.4 bilion.

Adalah penting untuk menggalakkan usahawan dalam komuniti tersebut untuk menerima teknologi digital bagi mengubah perniagaan mereka sekali gus menyumbang secara positif kepada ekonomi negara.

Dengan memasukkan penyelesaian digital ke dalam operasi mereka, Kementerian Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) boleh meningkatkan kecekapan, meningkatkan daya saing dan mengembangkan jangkauan mereka ke pasaran baharu.

Apabila ahli komuniti semakin mahir melayari landskap digital, secara tidak langsung lebih ramai usahawan akan muncul dan lahir dari seluruh pelosok negara. PEDi kemudiannya menjadi tapak pemupukan untuk kisah kejayaan di

mana individu yang pernah berjuang untuk memenuhi keperluan hidup kini menjalankan perusahaan digital yang berkembang maju dan menyumbang kepada ekonomi digital negara.

Bercerita tentang kisah kejayaan menyertai PEDi, salah seorang usahawan dari PEDi Pekan Putera Jaya, Sabah, **Eri Dusun** meluahkan rasa syukur kerana menyertai program ini dan PEDi telah banyak membantu memperkembang dan meluaskan lagi perniagaan Sambal Tuhai yang diusahakan sejak tahun 2015.

Setelah mendapat latihan dan peluang di PEDi Pekan Putera Jaya, dia berjaya mencapai kumpulan pelanggan yang lebih besar termasuk dari semenanjung dan luar negara.

Sementara itu, **Haleda Aqila** dari PEDi Pontian, Johor yang menguruskan produk kraf dan membekalkan cenderamata berkata, kakitangan PEDi sentiasa memberikan sokongan kepada mereka terutama semasa dia memulakan perjalanan keusahawannya daripada pemasaran produk melalui platform e-dagang.

PEDi juga turut merapatkan jurang digital dan mengantikannya dengan latihan terutamanya dalam pemasaran produk melalui platform e-dagang.

Jelaslah, PEDi amat berfungsi kepada masyarakat, selain mampu merapatkan jurang digital dan mengantikannya, PEDi juga boleh meningkatkan pendapatan mereka tanpa memerlukan penempatan semula ke bandar atau kawasan bandar.

Di samping itu, ia turut memberi peluang yang hebat dan tidak terjangkau di sekitar kawasan mereka dan ini sebenarnya telah membolehkan mereka berkembang maju dalam komuniti mereka sendiri. **WK**



ERI DUSUN



HALEDA AQILA



USAHAWAN PEDi gunakan peluang belajar di PEDi.



PENGURUS PEDi sentiasa membantu komuniti menimba ilmu digital.

Festival Orkid Putrajaya 2023

Cungkil bakat seni terarium

FESTIVAL Orkid Putrajaya 2023 bakal membuka tirainya pada 14 hingga 20 Disember ini bertempat di Taman Botani, Presint 1, Putrajaya.

Pengunjung pasti terpesona seakan berada di negara Eropah kerana dikelilingi ratusan ribu jenis pokok, tumbuhan dan bunga-bungaan.

Bertemakan Pesona Anggerik, edisi kali ini akan menghimpunkan sebanyak 600 pokok orkid termasuk pelbagai jenis hiasan pokok-pokok berbunga seperti pokok palma, orkid VIP, orkid liar, pokok-pokok renik, tanah tinggi, pokok pakis serta lebih daripada 70,000 nos bunga semusim yang akan disusun hias di Taman Botani, Putrajaya.

Uniknya, festival ini bukan

sahaja mempamerkan kepelbagaiannya bunga berwarna-warni dalam reka bentuk landskap yang indah tetapi turut dijual di gerai tapak festival.

Lebih menarik, acara yang bermula pada pukul 8 pagi hingga 10 malam itu akan diserikan dengan kehadiran isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada 14 Disember (Khamis) dengan anggaran jemputan seramai 200 orang.

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Orkid Putrajaya 2023, ikuti sesi wawancara eksklusif wartawan *Wilayahku*, **SABRINA SABRE** bersama Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj), **LAr. HASLINDA KHALID**.



SEBANYAK 600 pokok orkid dari lapan negara akan dipamerkan sepanjang festival berlangsung. - Gambar hiasan

Apakah matlamat penganjuran Festival Orkid Putrajaya pada kali ini?

Objektif penganjuran Orkid Putrajaya 2023 adalah untuk mempromosikan Putrajaya khasnya dan Taman Botani Putrajaya amnya dalam kepelbagaiannya produk pelancongan sedia ada di pusat pentadbiran kerajaan itu selain mempunyai potensi yang besar untuk menjadi salah sebuah destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa.

Di samping itu, acara ini dilaksanakan bagi mempromosi dan mengetengahkan pelbagai jenis orkid dan hibridnya, memperkenalkan serta mempamerkan koleksi-koleksi spesies orkid khas, unik dan rare yang terdapat di Malaysia sekali gus menyokong industri orkid.

Bukan itu sahaja, ia juga dapat memberi ilham dan idea reka bentuk hiasan, taman orkid dan bunga-bungaan lain kepada pengunjung dan orang ramai.

Persiapan menjelang Orkid Putrajaya 2023?

Kerja-kerja persiapan di tapak telah bermula sejak 22 November 2023 di mana antara komponen tema taman yang pengunjung boleh lihat nanti adalah seperti Vertical Wall, Orchid Mountain, Orchid Canopy Bridge, Petunia Tower dan Mokara Mural.

Apakah tarikan utama penganjuran pada tahun ini?

Antara tarikan pada kali ini adalah pihak kami akan mempamerkan 600 pokok orkid dengan penyusunan bunga dari lapan negara iaitu Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Vietnam, Taiwan dan Jepun.

Terdapat lebih 20 jenis orkid VIP akan dipamerkan di dalam Indoor

Pavilion melibatkan orkid terdiri daripada nama-nama diraja dan orang kenamaan antaranya Vanda Queen Azizah, Dendrobium Raja Perempuan Fauziah, Vanda Sultan Idris dan Phalaenopsis Queen Bru Saleha.

Selain itu, pameran kali ini juga akan memperkenalkan kepada umum satu lagi orkid hibrid baharu bersempena perasmian Festival Orkid Putrajaya 2023. Nantikan kemunculannya pada 14 Disember ini!

Lebih menarik, pengunjung tidak akan dikenakan sebarang bayaran dan masuk adalah percuma sepanjang tujuh hari acara berlangsung.

Antara pertandingan dan pameran yang akan diadakan?

Untuk kali ini, kita akan

mempertandingkan 12 kategori Pertandingan Orkid yang

mempertaruhkan lima anugerah

merangkumi 16 trofi kejuaraan iaitu Grand Champion, Runner Up, Best Species, Best Malaysian Hybrid serta Best In Section.

Dalam masa sama, Pertandingan Terarium yang bertemakan Pesona Alam turut diadakan melibatkan lebih kurang 20 penyertaan jemputan bagi kategori terbuka yang terdiri daripada sekolah-sekolah menengah di Putrajaya serta rakan perkongsian pintar seperti Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Fakulti Reka Bentuk & Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM) dan KrisPutra.

Tujuan pertandingan dan

pameran ini adalah untuk mencungkil bakat setempat dan mempamerkan hasil seni terarium yang menarik dan kreatif selain menjadi sebahagian daripada tarikan Indoor Showcase di Pameran Orkid Putrajaya 2023.

Pemenang pertandingan tempat

pertama akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,000

Apakah antara pengisian program dan persembahan?

Untuk penganjuran kali ini, kami tawarkan lebih daripada 50 aktiviti dan persembahan pentas antaranya Bengkel Gubahan Bunga, Bengkel Mencanting Batik, Bengkel Hiasan Cup Cake, Bengkel Doodle Art, Bengkel Terrarium, Demo Masakan, Pertunjukan Fesyen Bertemakan Orkid, Larian Orkid Putrajaya, Zumba, Face Fainting, Badut, Superhero Costume, Maskot, Kuiz & Teka Teki?, Persembahan Malam Kebudayaan – Singgah Seni, Persembahan Tarian Kebudayaan & Buskers serta pelbagai aktiviti dan hadiah menarik menanti pengunjung.

Apakah antara aktiviti komersial dan jualan?

Sebanyak 27 lot gerai jualan Garden Bazaar disediakan yang terdiri daripada jualan Orkid (pelbagai spesies orkid hibrid dan hutan), airplant, hoyo, fern, aeroid, cactus dan succulent serta tanaman landskap yang lain seperti ros, bunga raya, pokok buah, heliconia, buah nadir dan baju.

Pihak kami juga menyediakan kawasan jualan makanan dan minuman yang dikenali sebagai Coffee Village@ Orkid Putrajaya yang mana sebanyak 40 gerai jualan makanan dan

minuman bertemakan kopi disediakan dengan kerjasama Persatuan Peniaga di Kompleks Kerajaan Putrajaya.

Antara jenis jualan adalah seperti Ngopi, Kopi Susu Kurma, Nasi Daging Danok, Apam Balik Seri Menanti, Yong Tau Foo, Kopi Gantung Perlis, Mojito, Kopi Jepun, k eropok lekor, kambing panggang, doki-doki dan banyak lagi selain 10 food truck disediakan dengan jenis jualan seperti Texas Chicken, oden, ayam Korea, minuman pelbagai kopi dan lain-lain.

Selain itu, terdapat fasiliti sokongan termasuk kerusi dan meja disediakan bagi memudahkan pengunjung menikmati makanan serta minuman yang dibeli sambil

menonton persembahan buskers.

Sasaran pengunjung yang dijangka datang ke Orkid Putrajaya 2023?

Untuk festival kali ini, kami menyiarkan kehadiran 100,000 orang pengunjung dan pelancong ke Putrajaya seterusnya dapat merancakkan lagi sektor ekonomi menerusi pelancongan acara.

Bagi pengunjung yang hadir, kita akan menyediakan kemudahan seperti surau, tandas, kerusi roda buat Orang Kurang Upaya (OKU) atau warga emas serta paramedik Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh layari media sosial kami di Facebook @ Perbadanan Putrajaya; Twitter @putrajayacorp; Instagram, YouTube dan TikTok @ perbadananputrajaya serta melalui laman sesawang PPj di www.ppj.gov.my.

WK



HASLINDA

Pelbagai agensi bantu PL sepanjang tahun

28 operasi penguatkuasaan dilaksana



KHAIRUL IDIN

SEBANYAK 28 operasi secara bersepdu telah dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan (PL) menerusi Jabatan Penguatkuasaan dengan pelbagai agensi di Labuan sepanjang tahun 2023.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Rithuan Mohd Ismail**, penglibatan dan pelaksanaan operasi secara bersepdu menjadi sebahagian penilaian prestasi Jabatan Penguatkuasaan.

“Ia memerlukan bantuan sahabat-sahabat agensi penguatkuasaan khususnya di Labuan dalam memastikan pematuhan undang-undang dalam kalangan warga Labuan amnya.

“PL sebagai agensi pihak berkuasa tempatan (PBT) merakamkan jutaan terima kasih kepada semua agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam menjayakan operasi-operasi secara bersepdu bersama PL khususnya,” ujarnya.



BARISAN kakitangan Jabatan Penguatkuasaan Perbadanan Labuan.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya yang diwakili oleh Timbalannya, Fadzilah Mahmud semasa Majlis Makan Malam Sesi Silaturahim Antara Agensi

Penguatkuasa Wilayah Persekutuan Labuan di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Penggerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Bashir Alias.

Antara operasi yang dijalankan

Ops BAH Halangan Lalu lintas, Operasi Pencegahan Jenayah, Ops Kenderaan Terbiar, Ops Pusat Hiburan, Ops Pemantauan Bunyi Pusat Hiburan, Ops Biodegradasi, Ops Setinggan Tanah MUIS dan

Pejabat Tanah Galian, Ops Sambung Kabel Haram di Kampung Gersik.

Rithuan turut menyeru semua agensi penguat kuasa di pulau tersebut terus bekerjasama dan bersatu tekad sebagai sebuah pasukan dalam memastikan penguatkuasaan di Labuan dijalankan dengan sebaiknya.

“Pasukan penguatkuasaan kita turut terlibat bersama agensi penguatkuasaan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam misi bantuan banjir di Segamat, Johor bersama agensi sahabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Putrajaya,” ujar beliau.

Pelbagai agensi telah bekerjasama melaksanakan operasi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). **WK**

Nasib golongan asnaf terbaik

BAGI memastikan nasib golongan asnaf di Labuan sentiasa terbaik, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) terus menyalurkan pelbagai bantuan kepada empat buah keluarga membabitkan jumlah keseluruhan RM187,850.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, **Datuk Mohd Nizam Mohd Yahya**, antara bantuan yang disalurkan ialah skim bantuan kelengkapan nelayan, skim bantuan bina rumah dan skim bantuan peralatan.

“Untuk skim bantuan nelayan, MAIWP telah menyerahkan sebuah bot beserta enjin kepada Said Ag. Burut, 63. Bantuan tersebut susulan pada tahun 2021, dia terputus punca pendapatan akibat kebakaran yang memusnahkan bot dan enjin.

“Sehubungan itu, MAIWP menyalurkan bantuan sebuah bot fiberglass bersaiz 17 kaki bernilai RM9,500 dan sebuah enjin Tohatsu Outboard Engine 15HP bernilai RM6,350.

“Selain itu, kita turut menyerahkan dua buah rumah bantuan bernilai RM79,000 setiap sebuah kepada dua keluarga asnaf di Kampung Pohon Batu dan Sungai Keling,” ujar beliau.

Sementara itu, bagi skim bantuan alat kelengkapan kesihatan, MAIWP telah

menyalurkan bantuan kepada Amzzad Anak berusia 25 tahun yang menghidap Left Frontoparietal Arteriovenous Malformation yang berpunca daripada pendarahan otak (pembuluh darah pecah) yang menyebabkan lumpuh separuh badan.

Turut hadir Pengurus MAIWP Labuan, Md Fadzli Md Saad.

Sementara itu, penerima bantuan skim perumahan, Peter Chan Abdullah, 41, menzahirkan kesyukuran dan penghargaan kepada pihak MAIWP yang membantunya mendapatkan kediaman sendiri.

“Terima kasih MAIWP dan pembayar zakat. Bantuan rumah ini amat bermakna kepada kami sekeluarga. Sebelum ini, kami hanya mampu menyewa rumah sahaja,” katanya. **WK**



MOHD NIZAM (tengah) menyampaikan replika kunci rumah kepada Peter (kiri) baru-baru ini.



DAVID (dua dari kiri) bersama barisan tertinggi UMS selepas menandatangani LoI baru-baru ini.

Biasiswa FinTech untuk pelajar kurang berkemampuan

BAGI membantu pelajar kurang berkemampuan, Exness Investment Bank Limited mendatangkan Letter of Intent (LoI) dengan Fakulti Pengkomputeran dan Informatik Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk memperkenalkan program biasiswa FinTech.

Di bawah LoI yang ditandatangani, bank tersebut telah membuat pelaburan awal sehingga RM300,000 untuk memperkuuh bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Exness Investment Bank, **David Moyes**, program itu meliputi yuran pengajian dan kos sara hidup pelajar tahun dua dan tiga dari Labuan, Sabah dan Sarawak.

“Biasiswa tersebut tersedia untuk pelajar yang mengikuti kursus dalam Sains Data, Kejuruteraan Perisian, Kejuruteraan Rangkaian, Teknologi Multimedia dan Pengkomputeran Perniagaan.

“Ini sejajar dengan misi kami untuk

mengukuhkan pendidikan dalam bidang STEM, menyediakan peluang kepada pelajar muda yang berkualiti untuk meneruskan pengajian mereka tanpa beban kewangan dan memberi kesan positif kepada komuniti,” katanya semasa Majlis Anugerah FKI dan LoI di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Kasim H. Mansor berkata, pihaknya berbangga dengan sokongan yang diberikan oleh Exness Investment Bank Limited yang menyalurkan bantuan tersebut demi membantu meringankan beban pelajar yang kurang berkemampuan.

“Negara maju bergantung kepada kerjasama daripada pelbagai sektor dan UMS berharap hubungan baik antara UMS dan Exness Investment Bank Limited akan berkekalan,” katanya. **WK**

Impi bergelar pemain hoki profesional

Amirah tekad cipta sejarah terulung

SABRINA SABRE

ATLET hoki Wilayah Persekutuan, Nur Amirah Jasmi Apindi, 24, mengakui sokongan yang diberikan oleh jurulatih pasukan, Ikmal Abdul Jabar menguatkan semangatnya untuk terus giat menjalani latihan.

"Sepanjang lebih 15 tahun bergelar atlet hoki, saya berdepan dengan banyak cabaran daripada segi fizikal dan mental namun apa yang membuatkan saya bangkit adalah dorongan daripada jurulatih."

"Dia banyak membantu pasukan dengan caranya yang tersendiri, kejayaan yang diperoleh sebelum ini bertitik tolak daripada kekuatan, sokongan dan tunjuk ajar beliau," ujarnya kepada Wilayahku.

Kongsinya, setiap kali berlatih, jurulatih akan memastikan semua posisi pemain berada dalam keadaan yang tepat untuk melihat kelemahan dan kelebihan setiap pemain.

"Sebagai pemain, saya sangat menyokong cara latihan tersebut kerana langkah itu dapat membantu menyusun pemain di setiap posisi dengan tepat mengikut kehebatan masing-masing."

"Saya yakin melalui tunjuk ajar tersebut, suatu hari nanti saya mampu mencipta sejarah



AKSI Amirah (kiri) ketika Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022.

bersama pasukan di pentas arena antarabangsa," ujarnya yang menjadikan pemain hoki wanita negara, Raja Sharina Raja

Shabuddin sebagai idola kerana ketangkasannya ketika beraksi.

Berkongsi pandangan terhadap sukan hoki, anak kelahiran Kuala

Lumpur ini berkata ia boleh dijadikan sebagai kerjaya tetap seperti mana atlet profesional dalam sukan tersebut.

Pencapaian Nur Amirah

2023 - Karnival Sukan Masum Fasa II 2023 - Tempat kedua

2022 - SUKMA XX MSN - Tempat ketiga

2021 - Piala Tun Abdul Razak - Emas

"Kalau kita lihat, banyak pemain hoki atau pelapis muda yang bagus zaman sekarang, jadi kalau ada pelapis yang berpotensi eloklah digilap dengan sebaiknya," ujar atlet hoki yang mula aktif sejak umur sembilan tahun ini.

Bakal beraksi dalam TNB Liga Hoki Wanita yang dijangka berlangsung pada tahun hadapan, dia kini giat menjalani latihan bersama skuad Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Doakan yang terbaik untuk kami. Saya berharap pasukan cemerlang dan mampu bersaing dengan pasukan hebat lain di pentas arena yang lebih besar pada masa akan datang," ujar pelajar jurusan Ijazah Pengurusan Sukan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ini. WK

Empat emas di Paralimpik Paris 2024 realistik

MAJLIS Paralimpik Malaysia (MPM) kekal menaruh harapan untuk melihat kontinen negara menuai empat pingat emas pada Sukan Paralimpik Paris 2024.

Presidennya, **Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin** berkata empat emas bukanlah sasaran rasmi tetapi merupakan matlamat yang ditetapkan untuk bekerja keras bagi mencapai harapan itu.

Tanpa memaklumkan sukan yang menjadi sandaran, Megat berkata empat emas adalah jumlah yang realistik berdasarkan persembahan barisan atlet sepanjang tahun ini antaranya pada temasya Sukan Para Asia Hangzhou 2022, Oktober lepas dan di Kejohanan Dunia.

"Empat emas adalah objektif yang kami tengok realistik untuk kami capai, kami nak kumpulkan 10 pingat emas daripada Sukan Paralimpik (selepas pencapaian tiga emas masing-masing di Rio 2016 dan Tokyo 2020)."

"Empat emas bukan sasaran rasmi tetapi itulah sasaran yang kami buat hasil penelitian dari awal tahun ini sehingga sekarang dan ia sangat penting untuk kami," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Wang Tajaan Pemenang Pingat Sukan Para Asia Hangzhou 2022 baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Megat tidak melihat

jumlah empat emas sebagai satu tekanan kepada kontinen negara tatkala negara lain berani meletakkan sasaran emas jauh lebih tinggi.

Terdahulu, pada majlis diadakan di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik di Kampung Pandan bersempena Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Antarabangsa 2023 itu, barisan pemenang pingat pada temasya Sukan Para Asia Hangzhou menerima insentif berupa wang tunai.

Insentif yang diberikan itu menyaksikan pemenang pingat emas menerima RM2,000, pingat perak (RM1,000) dan gangsa RM500.

Kontinen Malaysia membawa pulang keseluruhan 39 pingat sekali gus mengatasi sasaran 35 pingat, dengan pecahan tujuh emas, 15 perak dan 17 gangsa pada temasya sukan empat tahun sekali itu. - BERNAMA



MEGAT (kiri) hadir pada Majlis Penyampaian Wang Tajaan Pemenang Pingat Sempena Temasya Sukan Para Asia Hangzhou 2022 di Pusat Kecemerlangan Paralimpik, Kuala Lumpur.

KEJOHANAN KUDA LASAK PIALA PRESIDEN PPJ 2023

08 & 09 DIS. 2023 | TAMAN WETLAND PUTRAJAYA, PRESINT 13

YURAN PENYERTAAN
KATEGORI 40KM-RM150.00 | VIP/FUN RIDE 15KM-RM100.00

KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNG!
+6012 263 2306

www.ppj.gov.my

Isu curang, wanita kena kuat

SEJAK akhir-akhir ini, banyak kisah wanita yang disakiti atau dikhianati tular namun mereka memilih untuk bertahan dalam mahligai yang dibina kerana perasaan sayang dan cinta kepada pasangan.

Malah tidak sedikit yang sanggup menutup mata dan terus rela bersabar selain bermati-matian mempertahankan hubungan hanya kerana memikirkan anak-anak yang bakal kehilangan kasih sayang.

Simpati dengan perkara tersebut, selebriti **Shiha Zikir** mengakui segala yang berlaku adalah dugaan yang hebat dan berat terutamanya buat insan yang bergelar wanita.

"Ramai isteri berdepan gangguan mental yang kronik termasuk kemurungan, diserang gangguan kebimbangan, suka bersendiri dan yang paling teruk ingin membunuh diri akibat konflik rumah tangga.

"Apabila emosi tidak dapat

dikawal, ia menjadi faktor utama tekanan berpanjangan. Jika dibiarkan lama, situasi ini akan memberi kesan kepada keharmonian rumah tangga," ujarnya.

Tambahnya, jika tidak dibendung dengan cara yang betul bakal mengundang trauma dalam kalangan anak-anak dan tidak mustahil akan turut menjelaskan masa hadapan mereka.

"Walaupun saya belum berkahwin, tetapi banyak kisah sebegini dalam media sosial dan laporan media. Cukup menyedihkan. Namun saya sangat mengagumi wanita yang kuat semangat dan tabah menghadapi dugaan hidup," ujarnya.

Pelantun lagu Aewo ini berharap wanita yang dikhianati seharusnya bangkit dan tidak lemah untuk meneruskan kehidupan.

"Wanita kena kuat. Kekuatan itu hadir dalam diri apabila kita

percaya setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Yakin dan percaya semua ini diatur sempurna. Ia berlaku tidak sia-sia," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Shiha baru sahaja muncul dengan lagu baharu berjudul Tusuk ciptaan Iqi Hugh dan Omar K. Tidak menujukan lagu tersebut kepada sesiapa, Shiha mengakui kisah dalam Tusuk berlaku dalam masyarakat.

"Lagu Tusuk ini mengisahkan tentang wanita yang dipermainkan lelaki. Dia lupa janjinya kepada wanita tersebut. Lagu ini sesuai untuk wanita di luar sana yang pernah tersakiti atau cintanya dikhianati. Shiha tahu banyak berlaku di luar sana.

"Saya harap mereka yang mendengar lagu ini terus bangkit dan lupukan kisah sedih. Dalam masa yang sama, janganlah berdendam kerana ia akan menyakitkan hati

sendiri.

"Mungkin sukar untuk melupakan, namun tidak rugi jadi seorang pemaf kerana ia dituntut dalam Islam. Hati pun menjadi lebih tenang," tambahnya mengakhiri bicara. **WK**



Nourul suntik motivasi kesihatan mental

PENYANYI Nourul Wahab Dep, 46, nekad mahu memberi semula kepada peminat setelah mereka banyak membantunya sepanjang dia menjadi artis.

Untuk itu, Nourul mengorak langkah membantu masyarakat menerusi program perkembangan peribadi kesihatan mental antaranya Program Motivasi Fire Talk dan bimbingan yang dianjurkannya baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Menurut Nourul, ramai yang stres dan mengalami *anxiety* (kebimbangan yang melampau) namun tidak tahu cara mahu keluar daripada penyakit tersebut.

"Kita manusia biasa yang tidak lari daripada stres. Apabila stres, saya banyakkan bersenam, berdiam diri, fokus pada diri saya dan betulkan apa yang saya mahukan."

"Apa matlamat dalam hidup. Matlamat ini kena betul sebab ia sangat penting. Tak semua

orang faham apa yang saya buat. Jadi saya buat Fire Talk sebagai *solution* untuk *enhance human*, bukan menukar manusia.

"Kita tak boleh tukar karakter diri, tetapi boleh perbaiki apa yang patut. Itu yang saya cuba buat dalam program perkembangan peribadi.

Saya punya matlamat sekarang sangat berbeza dengan kerjaya bisnes saya, Herbalife Nutrition yang membantu orang dari segi fizikal," ujarnya.

Tambahnya, dia mahu memberi sesuatu yang lebih baik untuk peminat yang disayangi di luar sana lebih-lebih lagi tidak ramai yang tahu punca yang menyebabkan mereka mengalami *anxiety*.

"Mereka selama ini banyak menyokong kerjaya saya. Jadi saya nak sokong mereka dari segi emosi dan juga mental pula," katanya yang

nekad mahu terus membantu memulihkan masalah mental dalam masyarakat.

"Tak dinafikan, ramai juga yang masih dalam rawatan pakar psikiatri, tapi mereka menjalani rawatan tanpa mencari akar atau punca kenapa stres dan *anxiety*.

"Ini kerana kita tak tahu solusi atau cara nak selesaikannya. Jadi Fire Talk adalah salah satu cara penyelesaian untuk mencari diri. Saya ada cara atau kaedah yang berbeza," ujarnya.

Dalam Program Motivasi Fire Talk dan bimbingan tersebut, Nourul menekankan soal kesihatan mental di samping menghiburkan penonton.

"Setiap orang, dalam diri masing-masing ada minda, tubuh dan jiwa. Ketiga-tiga ini harus selari. Inilah yang saya bawa dalam Fire Talk saya," ujarnya kepada Wilayahku. **WK**

Taruhan baharu lebih segar

DARI MUKA 24

MENITI usia 27 tahun dalam dunia seni, tidak hanya berbekalkan kualiti vokal, penghibur ini berjaya memperkenalkan persembahan hebat seiring kematangan kerjaya.

Sekian lama tidak muncul dengan buah tangan, dia mengakui mempunyai alasan tersendiri kenapa perlu mengambil masa yang lama untuk menghasilkan sesebuah lagu baharu.

"Saya terlalu berhati-hati dalam melahirkan sesebuah lagu. Boleh jadi saya adalah seorang yang *overthinking*. Cuma, saya fikir it doesn't matter anymore. Oleh kerana harus memandang kepada bajet untuk menghasilkan lagu, saya jadi lebih teliti

"Single berjudul Kau adalah jawapan kepada penantian ini. Bagi saya, lagu Kau dengan rentak disco funk ini lebih fun dan segar. Apabila diamati R&B Jazz adalah agak berat untuk pasaran semasa. Apa pun, saya berpuas hati dengan feel akhir lagu ciptaan sepenuhnya oleh Indra dan saya sendiri," ujarnya.

Ditanya sejauh mana dirinya menerima elemen

gimik atau tular dapat mempopulkarkan lagi sesebuah karya, Noryn tetap berpegang pada prinsip yang mana kualiti adalah segalanya.

"Dalam perkara ini, ia bergantung kepada jenis gimik tersebut. Saya lebih mementingkan kepada sesuatu yang bertahan lebih lama. Macam saya secara peribadi, *slow and steady*. Apa pun kualiti adalah lebih diutamakan," katanya.

Menyentuh perkembangan lain, Noryn berkata dia mahu memberi fokus sepenuhnya untuk mempromosikan lagu Kau selain dalam proses untuk mencari bakat baharu untuk berduet untuk single seterusnya.

Biarpun tidak berjaya ke peringkat suku akhir pertandingan All Stars Gegar Vaganza (ASGV) baru-baru ini, Noryn bersyukur dapat menambah ilmu dan melalui pengalaman indah bersama rakan-rakan artis yang lain. **WK**





Amirah tekad cipta
sejarah terulung

►►22

Noryn Aziz diam lebih baik

DEEL ANJER

ISU kesihatan mental tidak boleh dipandang ringan. Ia boleh terjadi kepada sesiapa sahaja. Golongan selebriti juga tidak terkecuali berhadapan dengan masalah psikologi ini. Hal ini perlu ditangani secara terbuka agar industri hiburan tempatan lebih sihat.

Berkongsi rasa yang sama, penyanyi popular Noryn Aziz melihat stres tidak boleh dielak namun ia harus ditangani dengan baik.

“Setiap orang pasti mempunyai masalah atau dugaan yang berbeza-beza. Saya sedar, mungkin kita boleh bercakap itu ini, tapi kadang-kadang tidak mudah untuk kita melaluiinya. Itu adalah realitinya.

“Semua ini adalah apa yang Allah sudah aturkan. Kita kena terima dengan hati yang ikhlas dan tidak putus berdoa kerana Dia adalah sebaik-baik perancang. Yakinlah,” ujarnya setiap peristiwa yang terjadi punya hikmah tersembunyi.

Tambah pemilik nama Norazmawati Abdul Aziz ini lagi, sebelum melakukan sebarang tindakan, pastikan fikir dahulu dan bertengang kerana maruah

diri adalah perkara utama yang tidak boleh ditukar ganti.

Dalam dunia yang semua dikawal oleh hujung jari, seseorang itu perlu memikirkan sebarang kemungkinan sebelum bertindak menyebarkan apa yang terpendam di hati.

“Kadang-kadang, berdiam itu lebih baik. Cari solusi sekiranya berhadapan dengan masalah. Ada kalanya kita mengharapkan semua masalah pergi macam itu saja. Namun ia tidak semudah itu.

“Namun percayalah tentu ada jalan keluar dari setiap perkara yang berlaku. Berkat kesabaran, kita akan mencapai apa yang diinginkan. Sabar itu sukar tetapi banyak hikmahnya,” jelas Noryn yang pernah popular menerusi lagu Cerita Cinta.

Sebagai peringatan untuk dirinya juga, carilah seseorang yang boleh dipercayai untuk meluahkan perasaan supaya diri akan berasa lebih tenang dan fikiran tidak lagi terbeban dengan hal yang terus-terusan membelenggu diri.

“Pilihlah mereka yang ikhlas mendengar. Namun yang pasti Allah adalah tempat curahan dan mengadu yang paling terbaik tentang apa sahaja masalah hidup yang kita hadapi,” ujarnya.

►►23

